





**DIALOG INTRAPERADABAN  
MELAYU:  
WAGAS ISLAM,  
WARISAN MELAYU DAN  
WELTANSCHAUUNG MALAYSIA**



**Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya**

Diterbitkan oleh  
Pusat Dialog Peradaban  
Universiti Malaya

(C) Pusat Dialog Peradaban, 2004  
Cetakan Pertama, 2004

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenar mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Pusat Dialog Peradaban, Universiti Malaya.

#### Data Pengkatalogan Dalam Penerbitan

Dialog IntraPeradaban Melayu: Wagas Islam, Warisan Melayu  
dan Weltanschauung Malaysia

Bibliografi 79-82

ISBN 983-3070-05-1

1. Civilization, Islamic 2. Civilization, Malay.

909.097671 19 MAY 2005

NASKAH PEMELIHARAAN  
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

Dicetak oleh

Penerbit Universiti Malaya

50603 Kuala Lumpur

Harga: RM20.00

**APB**

01171925

M  
909.097671  
MINA

## KANDUNGAN

Prakata	vi
Bab I Pendakwahan dan Pembentukan Masyarakat Bertamadun <i>Mohd. Nakhaie Haji Ahmad</i>	1
Bab II Wagas Islam, Warisan Melayu dan Weltanschauung Malaysia <i>Mohamad Abu Bakar</i>	56
Bab III Peranan Perundangan Islam Dalam Pembinaan Tamadun Melayu <i>Mahmood Zuhdi Hj. Ab. Majid</i>	68
Bibliografi	77



## PRAKATA

Orang Islam di Malaysia meyakini bahawa elemen-elemen peradaban Melayu Islam boleh menjadi asas pembentukan wawasan dan gagasan bagi pembinaan suatu pandangan alam semesta atau *weltanschauung* bagi negara bangsa Malaysia. Keyakinan itu diasaskan, pertama, atas fakta sejarah iaitu Malaysia tercakup di dalam wilayah Melayu yang diwarnai sekian lama oleh landskap budaya Melayu Islam, dan kedua, atas hakikat kebenaran hakiki yang ada dalam pengajaran dan amalan agama Islam itu sendiri.

Malaysia yang mula-mula dibentuk sebagai Persekutuan Tanah Melayu setelah mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 berasaskan negeri-negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu, dan kemudian merangkumi Sabah dan Sarawak di Pulau Borneo sebagai Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, merupakan entiti politik dan budaya hasil kesinambungan daripada sejarah penubuhan pusat-pusat peradaban Melayu sejak zaman Empayar Srivijaya hingga ke Melaka, Aceh, Johor Riau, Brunei dan lain-lain.

Pembentukan perlembagaan Malaysia dengan Islam sebagai agama Persekutuan, kedudukan istimewa kaum Bumiputra, kedudukan Raja-Raja sebagai Raja berperlembagaan, Dasar Bahasa Kebangsaan, Dasar Pendidikan Kebangsaan, Dasar Ekonomi Baru dan Wawasan 2020, semuanya diasaskan pada hakikat sejarah dan lanskap budaya dan peradaban Melayu yang berakar umbi di wilayah ini sejak sekian lama.

Dengan menerima hakikat bahawa budaya dan peradaban Melayu merupakan asas dan paksi definitif kepada pembentukan

dan pemantapan peradaban Malaysia yang dicita-citakan, maka menjadi perkara penting dan genting sekali untuk kita memperkasakan kembali peradaban Melayu dengan menggunakan agenda, strategi dan langkah yang jelas, praktikal dan berkesan.

Namun, kekuatan dalaman demikian harus diungkap dan diketengahkan untuk menyebarkannya supaya disedari dan diterima oleh khalayak ramai. Oleh itu dialog intraperadaban Melayu menjadi amat penting demi mengungkap, memperjelas dan menyebarkan elemen-elemen kekuatan dalaman itu. Buku ini terhasil daripada percambahan fikiran tiga orang tokoh utama dalam bidang ini.

Al-Qur'an dengan jelas menegaskan hakikat bahawa Islam ialah suatu agama dan suatu cara hidup yang mengakui dan menerima pluralisme agama dan jamak budaya dalam masyarakat, dan menolak sama sekali pertelingkahan dan permusuhan antara agama. Sebaliknya Islam menganjurkan hidup berbaik-baik dan bersatu padu dalam satu umat dan satu negara bangsa, seperti yang ditegaskan dalam ayat berikut (maksudnya):

.....Wahai umat manusia, sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan. Dan Kami telah menjadikan kamu berbagai-bagai bangsa dan bersuku kaum, supaya kamu berkenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain)... (Qur'an, 49:13).

Walaupun Islam ialah agama dakwah yang menyeru manusia kepadanya, namun kaedah penyampaiannya adalah dengan cara aman damai dan dengan penuh kebijaksanaan dan dengan hujah-hujah yang terbaik, supaya kebenaran akan mengatasi kepalsuan dan penerimaannya adalah secara suka rela. Interaksi yang rukun dan bertatasusila antara sesama orang Islam lebih-lebih lagi ditekankan melalui kaedah *adab al-ikhtilaf* atau adab berdiskusi

dan berdialog secara sopan santun di atas perkara yang mempunyai perbezaan pendapat, seperti yang ditegaskan oleh al-Qur'an (maksudnya):

Serulah ke jalan Tuhanmu dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka dengan cara yang lebih baik. Sesungguhnya Tuhanmu Dialah yang lebih mengetahui siapa yang sesat daripada jalan Nya, dan Dialah juga yang lebih mengetahui siapa yang mendapat hidayat. (Surah 16:125).

Suasana perhubungan yang baik antara pelbagai kaum dan pemeluk agama yang wujud di Malaysia kini, memberi kemungkinan yang amat cerah untuk mengadakan dialog antara peradaban dan juga intraperadaban, dengan penuh rukun dan damai. Juga, suasana demikian memberikan peluang keemasan kepada kaum Muslimin untuk mengajak semua kepada jalan Tuhan dengan penuh kebijaksanaan dan penyampaian yang baik, dan supaya boleh berbahas dengan mereka itu dengan hujah yang terbaik secara sopan dan santun. Penyampaian dan interaksi demikian oleh kaum Muslimin dengan kumpulan budaya dan kaum yang lain, akan meningkatkan keterbukaan di kalangan mereka dan keupayaan menerangkan Islam secara rasional, waras dan penuh hikmah.

Buku ini memuatkan tiga kertas kerja dalam satu wacana ilmiah "Dialog Intra Peradaban Melayu: Wagas Islam, Warisan Melayu dan *Weltanschauung* Malaysia". Tokoh pertama membincangkan hakikat pandakwahan, realiti politik dan pembentukan negara Islam dan proses pentamadunan masyarakat Melayu dan Malaysia. Tokoh kedua membincangkan hakikat wawasan dan gagasan yang terkandung dalam pemikiran dan penghidupan orang Melayu Islam yang boleh dijadikan elemen



untuk membentuk *weltanschauung* masyarakat Malaysia. Manakala tokoh ketiga membincangkan persoalan perundangan Islam dalam pembinaan dan pengawalan masyarakat Melayu dalam proses pentamadunannya. Garapan ketiga-tiga aspek budaya dan ketamadunan Melayu itu demi pemeraksaannya, amatlah penting dalam pembinaan *weltanschauung* atau pandangan alam semesta Malaysia sebagai sebuah negara bangsa yang utuh, berwibawa dan bertamadun.

**Profesor Dr. Hashim Hj. Musa**  
**Akademi Pengajian Melayu**  
**Universiti Malaya**

## Bab 1

# PENDAKWAHAN DAN PEMBENTUKAN MASYARAKAT BERTAMADUN

*Mohd. Nakhaei Haji Ahmad*

### **Pengenalan**

Sebelum dekad 70-an, masyarakat Melayu yang beragama Islam umumnya memiliki gambaran yang sempit terhadap agama. Islam dilihat sebagai ritual semata-mata dan tidak banyak diperkatakan, melainkan dalam skop yang sempit ini. Pengajian Islam di pondok-pondok lebih memberikan penekanan kepada bidang ibadat khusus sahaja. Perbincangan dalam masyarakat yang mengaitkan Kaum Tua dengan Kaum Muda<sup>1</sup> juga tertumpu kepada perselisihan pendapat tentang masalah-masalah *furu'* dalam amalan ibadat ritual.

Meskipun ada tulisan-tulisan yang melihat Islam dari perspektif yang luas, namun pengaruh pandangan seperti itu dalam masyarakat Melayu tidak begitu kuat. Faktor terbesar keadaan itu terjadi ialah kerana masyarakat Melayu dibelenggu kejahilan dan kemunduran sebagai masyarakat tani (*peasant society*) yang miskin.

Bagaimanapun selepas dekad 70-an, keadaan sosioekonomi dan budaya masyarakat Melayu mengalami perubahan besar. Mereka mula keluar dari kepompong masyarakat tani kepada masyarakat *post-peasant society*. Dengan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru, muncul golongan menengah terpelajar yang terdedah kepada kemajuan serta terlibat dalam proses pembangunan negara. Dengan adanya gerakan dakwah yang didokong oleh generasi muda yang terpelajar, Islam diperkenalkan sebagai *way of life*. Akidah Islam, tidak lagi dikemukakan sebagai keyakinan terhadap Allah s.w.t dan Rasul-Nya daripada perspektif sifat dua puluh, tetapi dibicarakan sebagai pandangan hidup menyeluruh yang berasaskan tauhid. Daripada pandangan hidup ini, terpancar sistem-sistem kehidupan dalam pelbagai bidang berlandaskan syariat dan

akhlak seperti yang diwahyukan oleh Allah s.w.t kepada Rasulullah. Hal ini diperkukuhkan dengan keupayaan berfikir manusia yang diberikan akal dan diwajibkan berjihad.

Umumnya, masyarakat pasca-70-an menerima Islam sebagai cara hidup dan cuba menghayatinya dalam pelbagai usaha yang difahami mereka. Berbagai-bagai usaha untuk memahami ajaran Islam sebagai cara hidup dijalankan menerusi pelbagai kegiatan, seperti usrah, seminar, kolokium dan sebagainya. Dalam pelbagai kegiatan ini, muncul fenomena ingin mengetahui Islam secara lebih terperinci, terutamanya tentang sistem-sistem Islam yang mencorakkan kehidupan pelbagai bidang.

Usaha memberikan jawapan kepada pertanyaan-pertanyaan yang timbul di kalangan masyarakat dan melayani naluri ingin tahu mereka tentang ajaran Islam secara lebih terperinci dan mendalam bukanlah suatu tugas yang mudah. Setiap persoalan yang dibangkitkan memerlukan kajian yang teliti dan ilmiah. Desakan pertanyaan dan kemusykilan yang bertubi-tubi, memberikan cabaran sengit kepada kebijaksanaan dakwah, pendakwah dan proses pendakwahnya. Dengan kata lain, pertanyaan-pertanyaan itu memerlukan persiapan yang mapan dari segi keupayaan para pendakwah, mahupun strategi dan cara-cara berdakwah. Para pendakwah memerlukan ilmu yang mendalam dan kemahiran yang tinggi. Proses pendakwaan pula memerlukan penyelidikan dan kajian, teknik dan teknologi yang mampu berhadapan dengan cabaran getir di hadapan.

Apabila kesedaran dan keinginan untuk kembali kepada Islam memuncak dalam keadaan dakwah dan proses pendakwaan itu kaku serta tidak mampu menampung kemaraan kesedaran yang melonjak, akan muncullah kegawatan pemikiran yang mengakibatkan berlakunya proses penjahilan semula. Proses penjahilan ini berlaku apabila muncul para pendakwah dan sebahagian pemimpin dan ulama yang memberikan jawapan-jawapan spontan yang tidak berasaskan penyelidikan ilmiah untuk pelbagai kepentingan. Sebahagiannya lahir daripada psikologi tidak ingin mengalah dan

tidak ingin dilihat sebagai manusia yang tidak tahu. Sebahagiannya berpunca daripada kepentingan politik kepartian yang cuba mentafsirkan sesuatu berasaskan kepentingan politik dan pengaruh bagi menjamin kemenangan dalam pilihan raya.

Jawapan-jawapan spontan itu kebanyakannya tohor dan mengelirukan. Sungguhpun demikian, ia bagaikan air untuk orang yang sedang dahaga. Mereka yang semata-mata bergantung kepada para pemimpin dan ulama untuk mengetahui ajaran Islam, meyakini dan menerima jawapan-jawapan yang diberikan itu. Fenomena ini, memberikan kesan negatif kepada beberapa aspek penghayatan Islam dalam masyarakat Melayu kini. Perkembangan yang negatif dan sikap yang tidak toleran, fanatisme dan sikap-sikap lain seperti itu ialah elemen yang dahulunya telah meruntuhkan tamadun Islam. Pastinya, sekali lagi elemen-elemen tersebut akan menyumbang ke arah terbentuknya masyarakat Islam yang barbarik, sekiranya elemen itu tidak ditangani secara bijaksana bagi menghalang perkembangannya.

Pendakwahan yang membina elemen-elemen tamadun dan yang menggerakkan proses ketamadunan ialah proses membentuk insan luhur yang berbudi dan berilmu, yang mendalam sekali perasaan kemanusiaannya dan kesedarannya terhadap hubungannya dengan Pencipta. Dengan kekuatan akidah, keluhuran budi dan ilmu, ketinggian kemanusiaan dan ketelusan hubungannya dengan Allah s.w.t. ia menjadi manusia yang mendatangkan manfaat dan tidak membawa kemudaratan dalam hubungannya dengan manusia dan alam. Ia bergerak ke arah perpaduan, kemesraan dan kasih sayang, perdamaian dan kesejahteraan. Inilah kesimpulan yang disebutkan oleh Rasulullah s.a.w. sebagai *Aslim Taslam* (Anutilah Islam, kamu akan sejahtera). Sebaliknya, jika elemen-elemen fanatisme, permusuhan, kebencian dan pelbagai elemen seperti itu berkembang dalam masyarakat Islam, pendakwahan tidak lagi berlaku dan proses menuju masyarakat barbarik kian bertambah nyata.

### **Dakwah dan Kaum Wanita**

Setelah berlakunya kesedaran Islam dalam tahun-tahun 70-an, banyak persoalan timbul tentang kaum wanita. Apakah peranan mereka, bagaimanakah keadaan pemakaian mereka, haruskah mereka bekerja di luar rumah dan pelbagai persoalan lagi yang berkaitan dengan kaum wanita diketengahkan.

Dakwah telah mengubah bentuk pemakaian wanita Islam di negara ini kepada bentuk yang lebih sopan, sederhana dan menutup aurat. Ini adalah kejayaan yang membanggakan. Namun, sesetengah wanita tidak berpuas hati dengan kejayaan itu dan cuba mengamalkan pemakaian yang lebih daripada kesederhanaan itu dengan memaksakan warna dan fesyen tertentu ke atas dirinya dengan menutup seluruh tubuhnya. Kecenderungan untuk melakukan sesuatu amalan dengan sempurna adalah baik. Tetapi jika tidak dilakukan dengan pengetahuan, ia boleh terlajak hingga sesuatu penghayatan itu meningkat ke tahap *ghulu* yang tidak wajar. Sikap *ghulu* dalam penghayatan agama adalah elemen yang membantu keruntuhan sesuatu tamadun.

Sebahagian kaum wanita menjadi mangsa kepada pendakwaan yang tidak berasaskan ilmu dan jawapan-jawapan spontan yang dipengaruhi tradisi zaman keruntuhan tamadun Islam (*al-takhallufu al-mauruth*). Imam Muhammad al-Ghazali dan Syekh Yusuf Qardhawi dalam mukadimah kepada buku *Tahriru l-Mar'ah* karangan Syekh Abdul Halim Abu Syuqqah, menyebut bagaimana seorang pendakwah menyampaikan mesejnya kepada kaum wanita dengan berkata bahawa wanita Islam tidak keluar sepanjang hidupnya kecuali tiga kali. Pertama, dari perut ibunya ke dunia. Kedua, dari rumah ibu bapanya ke rumah suaminya. Ketiga dari rumah suaminya ke kubur.<sup>2</sup>

Wanita yang berpelajaran dan menjadi harapan keluarga untuk meringankan bebanan keluarganya yang miskin dipaksa menjadi suri rumah dan tinggal di rumah sepanjang masa, kerana suaminya tidak membenarkannya keluar bekerja. Keadaan ini berlaku setelah si suami yakin bahawa wanita Islam harus tinggal di rumah dan tidak selayaknya berada di luar untuk bekerja. Tetapi, apakah

jawapan ini suatu yang pasti dan telah dikaji secara mendalam dari aspek ilmiah, sehingga boleh dijadikan jawapan yang relevan dengan keadaan tempat dan masa?

Fenomena persaingan di kalangan pendakwah untuk memencilkan kaum wanita yang dianggap sesuatu proses pendakwahan menuju kesempurnaan Islam, adalah sebenarnya proses menuju kemunduran dakwah itu sendiri. Untuk menghadapi perubahan zaman yang pesat dan untuk mencari jawapan bagi menentukan tempat kaum wanita dalam menghadapi perubahan itu bukanlah boleh diberikan jawapan secara spontan. Penelitian dan kajian ilmiah diperlukan, khususnya bagi menimba pengetahuan akan kedudukan wanita Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. Akibat jawapan yang spontan sedemikian, wanita Islam kini terjebak dalam kancah pertarungan antara kehidupan tradisi, warisan zaman keruntuhan tamadun Islam dan kebejatan sosial masyarakat Barat dengan pengahayatan kebebasan yang diperjuangkan oleh mereka. Sementara suatu pihak berusaha keras mengeluarkan wanita Islam daripada kehidupan tradisi yang serba mencengkam kepada kehidupan moden yang bebas, suatu pihak yang lain pula berusaha menarik wanita moden kepada kehidupan tradisi yang terkongkong.

Oleh sebab kehidupan wanita Islam sebenar tidak didedahkan, usaha ke arah mengembalikan wanita Islam kepada kehidupan yang realistik tidak banyak dilakukan. Wanita Islam kini dilihat oleh orang Barat sebagai wanita yang hilang kebebasannya dan dikongkong sepenuhnya oleh kaum lelaki, iaitu gambaran yang terdapat dalam kehidupan tradisi. Buku-buku yang ditulis oleh orang Barat seperti *Sold, Without Mercy, The Princess, Daughter of Arabia* dan lain-lain, menggambarkan betapa dahsyatnya wanita Islam dalam kehidupan harian mereka. Seterusnya, buku-buku seperti *My Feudal Lord*, menggambarkan wanita Islam moden yang berjaya membebaskan diri daripada kongkongan tradisi.

Terima kasih tidak terhingga kita kepada Syekh Abdul Halim Abu Syuqah yang telah membuat kajian dan menerbitkan bukunya yang dinanti-nantikan sebagai jawapan kepada persoalan-persoalan

yang timbul tentang kedudukan dan peranan kaum wanita yang sebenar seperti pada zaman Rasulullah s.a.w. Tulisan beliau menjadi salah satu contoh akan proses pendakwaan yang diperlukan bagi menangani isu yang dihadapi *ummah* supaya pendakwaan tidak hilang kebijaksanaan sehingga dengan itu dakwah tidak menyebabkan terkumpulnya elemen yang membawa kemudaratannya pada masa hadapan.

### **Mitos di Sebalik Penutupan Aurat**

Salah satu kejayaan dakwah di negara ini ialah kejayaan membudayakan pakaian menutup aurat di kalangan kaum wanita. Wanita di Malaysia tidak terkongkong dengan tradisi warisan zaman keruntuhan. Umumnya mereka tetap bersopan di tempat kerja dengan pakaian menutup aurat dan bertambahnya kesedaran untuk menghayati Islam. Namun, sebagai sebuah negara yang terdedah kepada perkembangan dunia, sebahagian wanita Islam di negara ini turut terlibat dalam kebejatan sosial, menjadi bohsia dan elemen-elemen keruntuhan sosial lain yang umumnya dimaklumi semua pihak. Kepincangan sebahagian mereka tidak pula mencemarkan imej baik kebanyakan wanita Islam di negara ini yang menerima percikan pengaruh dakwah Islam. Pakaian menutup aurat di kalangan wanita Islam di negara ini dibawa ke mana-mana, walaupun ketika melancong ke luar negara, termasuk ke negara Barat. Iltizam wanita Islam di negara ini terhadap budaya berpakaian menutup aurat sungguh membanggakan.

Bagaimanapun di sebalik kebanggaan itu, berkembang pula beberapa sikap negatif yang berupa ketaksuban terhadap pakaian menutup aurat wanita. Yang dimaksudkan di sini ialah menutup aurat itu dijadikan ukuran akan nilai kebaikan yang melebihi batasnya. Terdapat anggapan bahawa kebaikan seseorang itu terletak pada pakaiannya yang menutup aurat sahaja dan tiada kebaikan langsung kepada mereka yang tidak menutup aurat. Suami juga dianggap jahat dan tidak Islamik jika isterinya tidak menutup aurat.

Kebaikan dan keburukan seseorang dipusatkan pada pakaiannya, sama ada ia menutup aurat atau tidak. Seorang

pemimpin dianggap tidak Islamik, apabila isterinya berpakaian tidak menutup aurat. Hal ini sama seperti tanggapan bahawa berjubah dan berserban itu ukuran bagi kewarakan dan kealiman. Seseorang mungkin dipandang tidak warak dan tidak alim kerana ia tidak berjubah atau tidak berserban dan begitulah sebaliknya apabila berjubah atau berserban, ia dipandang alim dan warak dan dipelawa mengimamkan sembahyang berjamaah, walaupun tajwidnya bercelaru ketika membaca al fatihah.

Mitos seperti ini perlu ditangani supaya sesuatu kejayaan yang dicapai tidak dimusnahkan oleh virus fanatisme dan nilai-nilai lain seperti itu yang berkembang menjadi elemen keruntuhan. Meskipun virus ini tidak kelihatan dengan nyata, namun ia membawa penyakit yang berbahaya. Nilai-nilai kebaikan dan keburukan diletakkan di tempat yang salah dan manusia tertipu dengan imej tanpa *substance*.

Bagi menangani perkara ini, kita harus kembali kepada akidah Islam tentang pengukuran Allah s.w.t. akan kebaikan dan kejahatan hamba-Nya untuk menentukan tempatnya di syurga atau neraka. Allah s.w.t memiliki mizan (neraca) yang menimbang kebaikan dan keburukan yang dilakukan oleh seseorang hamba. Kebaikan dan keburukan akan ditimbang dengan saksama. Keputusan sebagai baik yang layak ke syurga atau ke neraka dibuat dengan penuh rahmat dan belas kasihan, sehingga jika kebaikan dan keburukan sama berat timbangannya, ada syafaat yang membelanya, sehingga seorang hamba yang Muslim itu dimasukkan juga ke syurga. Jika akidah ini dihayati dalam membuat pertimbangan akan kebaikan dan kejahatan seseorang Muslim, tentulah pertimbangan berdasarkan fanatisme itu dapat dielakkan.

Begitu juga dengan kisah Nabi Noh a.s. yang dibentangkan dengan jelas dalam al-Quran. Dosa dan kelakuan isterinya tidak sedikit pun menjejaskan ketinggian martabat Nabi Noh a.s. Tentulah kesalahan seseorang tidak dipikulkan ke atas bahu orang lain, walaupun di kalangan orang yang mempunyai hubungan keluarga, melainkan ada bukti yang jelas bahawa ia bersubahat melakukan kesalahan itu. Pun kesalahan itu tidak boleh dilihat dan ditimbang



secara berasingan, tanpa mengambil kira kebaikan yang dilakukan sepanjang hayatnya atau sepanjang khidmatnya.

### **Pendakwahan Bijaksana dan Efektif**

Fanatisme adalah nilai budaya jahiliah. Meskipun kecaman terhadap jahiliah menjadi sebahagian agenda dakwah negara ini, namun budaya jahiliah itu begitu pintar mempengaruhi masyarakat. Secara tidak disedari, ia menjadi suatu kebanggaan kepada sesetengah pihak dan dihayati atas nama perjuangan Islam. Adalah lumrah, neraca fanatisme digunakan dalam membuat penilaian terhadap sesama saudara Muslim di kalangan masyarakat Islam di negara ini dan di kalangan mereka yang kononnya bergerak cergas dalam harakah Islamiyyah.

Pengalaman dakwah di Malaysia menunjukkan bahawa kecaman dan kritikan terhadap jahiliah semata-mata kurang memberikan makna bijaksana yang dituntut dalam dakwah. Ia mungkin membawa kesedaran tentang jeleknya kehidupan jahiliah itu, namun justeru kritikan yang melampau tanpa batas sempadan dan tanpa menilai setebal manakah nilai dan sistem jahiliah itu dihayati, kejelekan itu menyebabkan timbulnya kebencian di kalangan mereka yang menerima kesedaran Islam terhadap orang Islam lain yang dianggap tidak mahu meninggalkan kehidupan jahiliah itu. Bahkan kelumrahan memberikan label jahiliah, *taghut*, zalim dan sebagainya, memarakkan api kebencian terhadap sesama Islam. Pada sesetengah kalangan, kebencian itu meningkat kepada penghukuman melulu dan berkembangnya gejala takfir. Inilah satu lagi elemen keruntuhan tamadun Islam yang berkembang daripada fahaman Khawarij dan menjadi penyakit masyarakat Islam yang menggugat kesejahteraan dan kerukunan umatnya.

Kita memerlukan pendakwahan yang bijaksana. Kebijakan terpancar daripada pengumpulan data-data yang diproses menjadi maklumat dan dianalisis menjadi ilmu pengetahuan. Ilmu pengetahuan yang mendalam dan keupayaan menempatkan ilmu itu pada tempat dan keperluannya, memancarkan kebijaksanaan yang diperlukan dalam proses pendakwahan. Terima kasih kepada Dr Ahmad al-

Naggar yang telah membuat kajian tentang kecenderungan menabung di kalangan orang miskin di Mait al-Ghamr, Mesir yang kemudiannya diolah dengan kefahaman mendalam terhadap realiti zaman moden dan sistem perbankan konvensional yang melahirkan konsep perbankan Islam. Pelaksanaan sistem perbankan Islam di negara kita memberi makna yang jauh lebih bererti kepada masyarakat daripada ribuan ceramah oleh pendakwah yang mengutuk sistem riba, pengamal dan orang yang terlibat dengan riba. Berapa banyak orang yang terselamat daripada kemungkaran riba dengan sistem perbankan itu. Jumlah besar ini tidak mungkin dicapai hanya dengan kecaman terhadap keburukan riba yang dibuat oleh penceramah untuk sekian lama.

Pendakwahan yang bijaksana, realistik dan berkesan memerlukan pembinaan sistem yang berteraskan ilmu, dan dikaji daripada sumber tradisi ilmu Islam yang memanfaatkan pengalaman masa ini. Ini diikuti pula dengan kebijaksanaan usaha menempatkan ilmu tersebut di dalam ruang masa dan tempat yang sesuai, serta memerlukan kefahaman mendalam terhadap realiti semasa. Pembinaan sistem pendidikan kerohanian dan penghayatannya yang relevan dengan masa dan tempat adalah lebih perlu daripada kuliah atau ceramah tentang kerohanian yang penceramahnyanya sendiri belum tahu bagaimana hendak mempraktikkan kandungan itu ke dalam dirinya. Penjelasan yang sistematik dan huraian tentang sistem yang terpancar daripada kebijaksanaan itulah sebenarnya proses pendakwahan bijaksana yang berkesan untuk memenuhi keperluan tamadun masa ini.

Tamadun moden dibina di atas sistem-sistem yang kukuh dan rapi. Begitu juga dengan tamadun Islam sebelum mengalami keruntuhannya. Usaha pendakwahan bagi mengembalikan tamadun Islam dan penggantian sistem moden yang bertentangan dengan Islam mestilah dilakukan menerusi pengenalan sistem alternatif yang berlandaskan ajaran Islam. Sistem-sistem yang membentuk tamadun moden tidak dapat diganti dengan ceramah, kolokium, usrah dan *qiamullail* sahaja. Meskipun program-program tersebut adalah mekanisme yang berjaya membangkitkan kesedaran, namun untuk

terus menggerakkan dakwah menuju pembentukan tamadun, pembangunan sistem adalah diperlukan, sehingga yang berhadapan dengan sistem yang moden bukan hanya ucapan, tetapi sistem alternatif yang mempunyai kekuatan tersendiri. Pada kala itu, barulah lahir antitesis kepada sistem konvensional dan muncullah sistem-sistem yang mampu melahirkan sintesis yang berwajah Islam dan tamadunnya. Namun begitu, mestilah juga disedari bahawa tidak semua sistem yang dibentuk dalam peradaban moden itu bercanggah dengan ajaran Islam. Justeru, hasil-hasil kajian dan penyelidikan yang menggunakan akal yang waras, berkemungkinan melahirkan sesuatu yang luhur, yang serasi dengan Islam.

Meskipun proses membangkitkan kesedaran perlu diteruskan dari semasa ke semasa, namun kesedaran yang berlaku dan tuntutan akan kesedaran Islam masa ini tidak bijak ditampung dengan retorik. Ia perlu diperkukuhkan dengan kegiatan penyelidikan dan usaha mengumpulkan data-data dan maklumat yang melahirkan ilmu pengetahuan yang mendalam. Namun ilmu pengetahuan itu sendiri tidak memberikan makna besar dalam proses pendakwahan, tanpa diterjemahkan ke dalam pembentukan tamadun dan sistem yang diamalkan dan dihayati dalam kehidupan secara bijaksana.

Pendakwahan di Malaysia yang menampung kesedaran Islam masa ini, dengan retorik semata-mata, berhadapan dengan kesan sampingan negatif yang akan menjuruskan kesedaran itu kepada kelakuan dan tindakan barbarik yang terpancar daripada kebencian, ekstremisme, emosional dan ketiadaan keupayaan sesuatu pengetahuan dan maklumat dimanfaatkan pada tempat dan masa yang sesuai. Apa lagi jika keupayaan memproses maklumat dan menyelidik berada di tahap yang rendah sehingga masyarakat bertindak melulu berasaskan pengetahuan yang tohor, berita angin dan maklumat palsu semata-mata.

### **Pemikiran Haraki dan Cabaran Pembentukan Sistem**

Umum menyedari bahawa cabaran kemunduran yang diwarisi akibat keruntuhan tamadun Islam dan kemaraan tamadun moden yang membawa bersamanya proses pembaratan ke atas dunia Islam

adalah cabaran yang sungguh kompleks. Meskipun bahayanya menimbulkan reaksi kebangkitan Islam, namun masalah yang dihadapi umat akibat cabaran tersebut belum berjaya mengeluarkan umat daripada kemelut yang dahsyat ini. Bagaimanapun kebangkitan Islam yang berlaku sejak kemunculan gerakan Syed Jamaluddin al-Afghani, yang dikenali sebagai *al-Jami'ah al-Islamiyyah* berjaya membina kerangka pemikiran umat yang membawa cahaya lebih cerah untuk jihad yang lebih memberikan harapan untuk masa depan Islam dan umatnya. Fasa baru dalam gerakan pendakwahan bermula dengan kebangkitan ini dan pembentukan pemikiran haraki yang memberikan kekuatan baru kepada gerakan pendakwahan di seluruh dunia Islam. Perkembangan pemikiran haraki ini dapat dibahagikan kepada tiga aliran.

1. *Al-Jami'atu l-Islamiyyah*
2. *Al-Ikhwanu l-Muslimun*
3. *Al-Jama'atu l-Islamiyyah*
4. Aliran penolakan total terhadap realiti masyarakat Islam kini

Pengaruh pemikiran haraki turut menjalar ke dalam masyarakat Islam di negara ini. Dalam tahun-tahun 40-an, pemikiran haraki *Jami'atu l-Islamiyyah* yang dipelopori oleh Syed Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad Abduh, telah berjaya melahirkan kesedaran di kalangan masyarakat Melayu yang mula melancarkan gerakan kemerdekaan. Tetapi, pengaruh kebangkitan Islam dalam menyemai kesedaran kebangsaan sebagai tesis itu melahirkan sintesis kebangsaan Melayu setelah bertembung dengan pengaruh nasionalisme Barat seperti antitesisnya, hasil kesedaran beberapa golongan elit Melayu yang mendapat pendidikan di Barat. Justeru, pengaruh modenisme dalam pembangunan Malaysia merdeka, diubah suai sebagai asas budaya hidup masyarakat Melayu yang menghasilkan acuan pembangunan yang tersendiri. Dalam hal ini, Islam dijadikan agama negara dan lakaran pembangunan negara menjadikan pembangunan Islam sebagai sebahagian yang penting

daripadanya, meskipun masih banyak yang perlu diberikan takrifan semula, mengikut perkembangan kejayaan pembangunan itu sendiri.

Kebangkitan Islam dekad 70-an hingga ke hari ini, banyak dipengaruhi kerangka pemikiran haraki *Ikhwanul-Muslimun* dan *Jama'atu l-Islamiyyah*. Buku-buku Hassan al-Banna, al-Maududi dan Syed Qutb, menjadi rujukan penting dalam menanam kesedaran itu. Di samping itu, terdapat pula rujukan-rujukan sampingan seperti tulisan-tulisan Malik Ben Nabi, Khursyid Ahmad, Hassan Turabi dan lain-lain yang turut mempengaruhi perkembangan pemikiran haraki dalam pergerakan dakwah di negara ini. Tetapi, kefahaman akan pemikiran haraki yang dibawa oleh tokoh-tokoh dakwah tersebut tidak dapat digarap secara mendalam dan tepat di negara ini, kerana kurangnya aktiviti penyelidikan yang serius. Penerapan pemikiran haraki dalam aktiviti-aktiviti usrah, seminar dan saluran tarbiah yang lain dilakukan secara umum, tohor dan dalam banyak hal berlaku salah pengertian dan tanggapan terhadap pemikiran mereka.

Salah faham terhadap pemikiran haraki membawa pemikiran yang salah dan tindakan yang terkeluar daripada lingkungan kebijaksanaan yang amat diperlukan dalam dakwah yang berkesan. Dakwah Islam berhadapan dengan risiko yang tinggi apabila Islam diperkenalkan dengan *syatahat* yang merupakan lataan-lataan pemikiran belaka. Ia kemudiannya diterima oleh pengikut-pengikut yang bersedia untuk membentuk sikap dan mengambil tindakan yang merugikan Islam itu sendiri.

Pemikiran haraki yang tidak tersusun dan tidak jelas hala tujunya ini, muncul sebagai antitesis kepada pemikiran modenisme yang telah disesuaikan dengan budaya hidup pribumi yang beragama Islam dan realiti unik masyarakat majmuk di negara ini yang mendominasi pemikiran pembangunan negara. Persoalannya, apakah pemikiran haraki tersebut layak menjadi alternatif kepada pemikiran pembangunan sedia ada, yang meskipun dari segi kekuatan popularitinya telah berada di tahap yang melayakkannya muncul sebagai antitesis kepada pemikiran pembangunan yang

berjalan sekarang ini? Dalam keadaan seperti ini, pergelutan yang berlaku sebenarnya, berisiko tinggi.

Pemikir haraki seperti Jamaluddin al-Afghani adalah orang yang mempunyai akal fikiran yang cukup istimewa. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa al-Afghani berada di barisan hadapan di kalangan ahli yang banyak menyumbang kepada sejarah tamadun Islam, setelah mereka turut mencipta sejarah itu. Beliau berada sebaris dengan ahli-ahli fikir Islam seperti Ibn Sina, Ibn Rusyd, al-Farabi, dan lain-lain. Beliau mendalami pengetahuan tentang warisan tamadun Islam pada zaman kegemilangannya dan mencungkil faktor-faktor kemunduran yang menimpa tamadun ini. Kemudian beliau bangkit dengan keazaman sekeras besi, sehingga menjadi pendakwah *mithali* yang mengajak umat ke arah kebangkitan Islam. Kesedaran yang dibangkitkannya menyemarak di sanubari umat sehingga tercetus perjuangan kemerdekaan di mana-mana di dunia Islam yang akhirnya belenggu penjajahan dapat dirungkai.<sup>3</sup>

Aliran *Jami'ah Islamiyyah* berusaha menentang kemaraan pabaratan yang melanda dunia Islam dengan menaiki bahtera penjajahan. Penentangan terhadap kemaraan pabaratan ini, memenuhi sebahagian besar daripada ruang pemikiran aliran ini. Al-Afghani yang mengetuai aliran ini, menggerakkan tindakan peperangan ke atas kemaraan penjajahan Barat di mana-mana sahaja beliau berada dan ke mana-mana sahaja beliau pergi. Peperangan dilancarkan, sama ada dengan senjata, dengan pena atau dengan pembentukan organisasi, sama ada ketika beliau di Afghanistan, di India, di Mesir, di Iran, di Hijaz, di Sudan, di Iraq dan di tempat-tempat lain. Beliau menubuhkan pertubuhan sulit Parti Kebangsaan Bebas di Mesir dalam tahun-tahun 70-an abad ke-19 dan kemudiannya menubuhkan gerakan *Al-Urwatu l-Wuthqa* yang dipimpinya dalam tahun-tahun 80-an pada kurun sama yang cawangan-cawangannya menjalar sehingga ke Mesir, Sudan dan India. Ini adalah sebahagian sahaja daripada usaha aliran ini menentang serangan penjajah terhadap negara Islam.

Di samping menggerakkan kesedaran umat yang ditidurkan dengan kemunduran akibat keruntuhan tamadun supaya bangun

menentang kemaraan penjajah, aliran ini berusaha mengembalikan *tasawwur* Islam dan membandingkan keistimewaannya dengan tamadun Barat yang berteraskan kebendaan. Sekali gus aliran ini juga mendedahkan kepincangan budaya yang diwarisi daripada kemunduran akibat keruntuhan tamadun Islam sepanjang zaman pemerintahan daulah Othmaniyyah.

Pergerakan *Ikhwanu l-Muslimin* yang dipimpin oleh Hassan Al-Banna meneruskan gerakan haraki dan terus membina sistem gerakan itu sesuai dengan keperluan zamannya. Beliau meneruskan perjuangan Al-Afghani yang melancarkan serangan terhadap penjajahan dan warisan kemunduran akibat keruntuhan tamadun Islam. *Tasawwur* tentang kesyumulan Islam sebagai sistem hidup yang lengkap diperkukuhkan dengan menjadikannya sebagai agenda pergerakan *Ikhwanu l-Muslimin*. Dalam ucapan dasar di Muktamar Pergerakan itu kali yang kelima, beliau menegaskan bahawa *Ikhwanu l-Muslimin* ialah gerakan dakwah *salafiyyah*, jalan dan cara-cara sunnah, hakikat *sufiyyah*, gagasan politik, kumpulan kesukuan, ikatan keilmuan dan kebudayaan, kumpulan perekonomian dan pemikiran masyarakat.<sup>4</sup> Berbeza dengan pergerakan *al-Jami'atu l-Islamiyyah*, pergerakan *Ikhwanu l-Muslimin* adalah gerakan massa yang beroperasi di tengah-tengah masyarakat Islam dan tidak hanya di kalangan kumpulan terpilih dalam masyarakat Islam sahaja seperti pendekatan *al-Jami'atu l-Islamiyyah*.<sup>5</sup>

Al-Banna menekankan kepentingan tarbiah dalam menggerakkan masyarakat Islam untuk menghayati semula Islam dan membina kembali tamadunnya yang runtuh itu serta menyekat kemaraan Barat. Beliau mewujudkan sistem tarbiah dalam pergerakannya menerusi kuliah-kuliah mingguan dan pertemuan para anggota setiap minggu menerusi *usrah*. Dalam kerangka tarbiah itu beliau berusaha membina minda pengikutnya ke arah kesedaran Islam yang syumul dan membina penilaian yang sederhana terhadap realiti yang wujud di dalam persekitaran dakwah. Beliau berusaha menghindarkan sikap melampau dan menolak segala-galanya tanpa memberikan ruang kepada akomodasi pemikiran dan keanggotaan.

Justeru, beliau tidak mengkafirkan masyarakat dan tidak menolak nasionalisme setelah diberikan pengertian yang tidak bertentangan dengan Islam.

Dakwah *Ikhwan* mengajak supaya yang kurang dilengkapkan, yang berpecah diintegrasikan, yang salah dibetulkan dan Islam diambil secara serius sebagai sistem kehidupan untuk dunia dan akhirat, di peringkat individu, keluarga dan umat seluruhnya. Al-Banna menolak takfir seseorang kerana maksiat yang dilakukan, walaupun maksiat adalah dosa yang besar. Al-Banna menulis sesungguhnya:

Kami tidak mengkafirkan seorang Islam yang membuat pengakuan dua kalimah syahadah dan beramal mengikut ketetapanannya, menunaikan solat-solat fardu, dengan apa-apa pendapat dan maksiat yang dilakukannya, melainkan apabila ia membuat pengakuan dengan kalimah kekufuran atau mengingkari sesuatu yang diketahui secara *daruri* daripada agama atau mendustai al-Quran secara berterangan atau mentafsirnya secara yang langsung tidak mengikut kaedah bahasa Arab atau melakukan sesuatu perbuatan yang tidak boleh lagi difahami melainkan kekufuran.<sup>6</sup>

Mereka juga tidak mengkafirkan masyarakat dengan sebab tidak menegakkan sistem Islam dan banyak aspek kehidupannya. Bahkan fenomena itu dilihatnya sebagai penghayatan Islam yang kurang atau tidak sempurna, kekurangan yang tidak termasuk dalam kekufuran atau jahiliah.<sup>7</sup>

Kesedaran *Ikhwan* dapat dilihat jelas dalam pendiriannya terhadap nasional (*wataniyyah*) dan nasionalisme (*qaumiyyah*) yang ditolak oleh sesetengah pihak sebagai pemikiran Barat dan diterima sebahagian yang lain sebagai ideologi politik. Tetapi Al-Banna mengajak kita melihat istilah itu dari segi maksud dan pengertiannya terlebih dahulu. Jika maksud dan tujuannya selari dengan semangat politik dan kemasyarakatan Islam, ia boleh diterima dan jika tidak selari dengan roh Islam, ia tidak boleh diterima dan ditolak.



Menurut Al-Banna, memang benar ikatan akidah itu di kalangan orang-orang Islam merupakan ikatan yang lebih suci daripada ikatan darah dan bumi,<sup>8</sup> dan ikatan kebangsaan itu cair di hadapan fikrah persaudaraan Islam yang ditanam dalam jiwa seluruh mereka yang menjadi pengikutnya,<sup>9</sup> tetapi kebangsaan (*wataniyyah*) jika maksudnya ialah cintakan tanah air yang menjadi tempat kelahirannya, merinduinya dan dijadikan tumpuan untuk berkhidmat kepadanya, mengutamakan daripada bumi lain daripadanya menurut tertib keutamaan dan keupayaan dan jika kebangsaan (*wataniyyah*) itu suatu ikatan dan tenaga yang menggerakkan umat dengan penuh semangat yang membantunya untuk menghadapi cabaran menentang musuh, maka Islam mendukungnya, bahkan menganggapnya sebahagian daripada pemikiran politiknya. Hanya Islam mengingatkan supaya perbatasannya tidak terhad kepada kawasan tertentu yang sempit, iaitu di mana seseorang itu dilahirkan sahaja.

Daerah Islam berkembang mengikut untaian fasa-fasa perkembangannya daripada yang lebih khusus kepada yang khas dan daripada yang am kepada yang lebih umum. Sekiranya kebangsaan (*wataniyyah*) bermaksud mencintai bumi ini, menyayangnya, rindu kepadanya dan prihatin terhadapnya, maka ini adalah sesuatu yang tersemat di dalam fitrah kejiwaan manusia secara semula jadi di suatu pihak dan disuruh oleh Islam di pihak yang lain.<sup>10</sup> Hanya Islam menuntut kita supaya tidak menentukan perbatasannya di perenggan kawasan yang kecil di mana kita dilahirkan. Islam memperluas perbatasan dan perenggan tanah air supaya mula-mulanya, meliputi negeri yang khas, kemudiannya menjalar ke setiap negeri Islam, kemudian meningkat ke empayar Islam, seterusnya meningkat hingga meliputi dunia umumnya. Dengan itu Islam menyesuaikan semangat kebangsaan yang khas dan semangat kebangsaan yang am, untuk kebaikan kemanusiaan keseluruhannya.<sup>11</sup>

Pada waktu yang lain Al-Banna menegaskan bahawa *Ikhwan* mencintai negaranya dan amat prihatin terhadap kesatuan kebangsaannya (*al-Qaumiyyah*). Lebih-lebih lagi Islam yang suci

dilahirkan di kalangan orang Arab, sampai kepada bangsa lain melalui orang Arab. Kitab sucinya juga dalam bahasa Arab, semua bangsa bersatu dengan nama Islam melalui bahasa Arab. Terdapat perkataan *athar* yang menyebut, “Apabila jatuhnya Arab, jatuhlah Islam”. Ini terbukti apabila kuasa politik orang Arab menjadi lemah dan bertukar tangan kepada orang-orang Ajam dan Dailam dan lain-lain. Orang Arab adalah benteng Islam dan pengawalnya. Justeru, perpaduan umat Arab adalah suatu kemestian untuk mengembalikan keagungan Islam, menegakkan negaranya dan kekuatan kuasanya. Oleh itu wajib bagi setiap orang Islam berusaha mengembalikan perpaduan Arab dan membantunya.

*Ikhwanu l-Muslimin* menghormati kebangsaan (*qaumiyyah*) mereka yang khas dengan pengertian bahawa ia adalah asas pertama bagi pembangunan yang dicita-citakan itu. Pada *Ikhwan*, tidak mengapa setiap insan berusaha untuk negaranya dan mendahulukan usaha tersebut daripada yang lain. Kemudiannya mereka membantu dan menyokong perpaduan Arab yang merupakan fasa kedua untuk kebangkitan umat. Seterusnya mereka berusaha untuk perpaduan Islam dengan pengertian untaian yang bersepadu bagi kebangsaan (*wataniyyah*) Islam yang am. Tidak ada pertentangan antara kesatuan ini, dari perspektif ini. Setiap orang berganding bahu bagi menguatkan yang lain sehingga tercapainya matlamat yang dituju.<sup>12</sup>

Al-Banna mengajak masyarakat Islam ke arah mengembalikan tamadun Islam. Untuk itu mereka mestilah berfikiran bebas daripada belunggu pemikiran penjajah. Mereka hendaklah membina minda yang berasaskan Islam yang luhur, bukan berasaskan pemikiran tradisional yang menjadikan kita terikat kepada teori dan aliran Barat dalam semua perkara. Kita harus berbeza dengan sahsiah dan jati diri serta cara hidup kita sebagai umat yang agung yang memiliki budaya yang lebih maju dan lebih utama yang pernah diketahui sejarah tentang keagungan dan kebangsaan.<sup>13</sup>

Pemikiran haraki yang dikembangkan oleh Al-Banna, jauh daripada bersifat kepartian. Bahkan Al-Banna memperluas skop pemikiran itu kepada pembentukan sistem pergerakan haraki di kalangan massa yang memperlihatkan kemajuan yang nyata daripada

pemikiran haraki yang diasaskan oleh Al-Afghani. Tuntutan kepada sistem pergerakan massa untuk mengembalikan keagungan Islam adalah penting dalam perjuangan membina kembali tamadun Islam. Al-Banna, sebenarnya memberi sumbangan besar kepada pergerakan Islam. Namun sumbangan besar itu mestilah terus dibina dan dikembangkan supaya lebih banyak sistem Islam itu hidup dan berfungsi dalam masyarakat Islam dan dapat dihayati oleh semua orang Islam.

Al-Maududi yang mengetuai aliran pemikiran haraki *al-Jama'atu l-Islamiyyah* memahami permasalahan sama yang dihadapi oleh umat Islam, iaitu cabaran daripada kemaraan tamadun Barat dan kemunduran yang diwarisi daripada keruntuhan tamadun Islam yang sebatu dalam kehidupan masyarakat Islam dan dianggap sebagai sebahagian ajaran Islam sendiri. Dalam menghadapi cabaran ini, Al-Maududi membawa pendekatan agak keras jika dibandingkan dengan pemikir haraki sebelumnya. Beliau melihat keadaan mundur masyarakat Islam sebagai jahiliah yang diwarisi daripada zaman jahiliah sebelum kedatangan Islam. Sedangkan tamadun Barat yang diimport yang sedang melanda umat ialah jahiliah baru, kontemporari dan moden.<sup>14</sup>

Pendekatan Al-Maududi jelas sekali berbeza dengan Al-Banna ketika membuat penilaian terhadap masyarakat Islam yang berhadapan dengan cabaran kemunduran dan kemaraan tamadun Barat. Sungguhpun begitu, Al-Maududi tidak pula menyeret individu atau kumpulan orang Islam ke dalam hukuman yang dikenakan ke atas masyarakat. Tetapi beliau menyebut perbezaan antara orang Islam yang diiktiraf undang-undang dengan orang Islam yang sebenarnya. Menurut beliau, orang Islam dari segi undang-undang ialah mereka yang mengucap dua kalimah syahadah secara lisan dan tidak mengingkari asas agama.

Dengan makna dan pengertian ini, setiap orang Islam memasuki lingkungan Islam dan tidak lebih jati dirinya daripada itu. Kita tidak boleh menganggapnya kafir atau menahannya daripada mendapat hak-hak yang diperolehinya daripada masyarakat Islam dengan hanya mengaku sebagai orang Islam. Tetapi ini bukan Is-

lam itu sendiri. Ia hanyalah ijazah atau surat kebenaran untuk memasuki lingkungan Islam. Adapun hakikat Islam ialah penerimaan pemikiran secara suka rela terhadap prinsip-prinsip Islam sehingga cara berfikir adalah cara berfikir al-Quran. Dengan itu jadilah pandangan terhadap hidup dan urusan-urusan adalah pandangan al-Quran. Sesuatu perkara dinilai mengikut ukuran yang dipilih oleh al-Quran dan ditentukannya. Matlamat secara individu dan jemaah juga adalah matlamat yang diterangkan al-Quran dan diakuinya. Pelbagai cara hidup hendaklah disingkirkan dan cara hidup yang ditentukan daripada hukum-hukum al-Quran dan sunnah hendaklah dipilih. Jika minda umat Islam menerima hakikat ini dan bersatu perasaannya dengan perasaan al-Quran, maka jalan yang dilaluinya dalam kehidupan tidak lain daripada apa yang disebut al-Quran sebagai jalan orang yang beriman.<sup>15</sup>

Pandangan Al-Maududi ini bersifat revolusioner dan terkeluar daripada pendirian berhati-hati ulama Islam tentang akidah dan hukuman terhadap seseorang atau masyarakat sebagai terkeluar daripada akidah. Pandangannya tidak mencerminkan sikap berhati-hati yang sekian lama menjadi pengajian tradisional Islam yang diwarisi daripada para ulama *Ahlu l-Sunnah Wa l-Jama'ah* yang terdahulu. Justeru, pemikiran Al-Maududi dianggap menyeleweng dan terkeluar daripada akidah yang benar. Bagi menjawab segala tuduhan, beliau sekali lagi menegaskan penolakan terhadap trend mengkafirkan individu Muslim.<sup>16</sup>

Tetapi sebagaimana kadar keberatan beliau mengkafirkan individu kerana melakukan maksiat yang berkaitan tanggungjawab individu (*fardu ain*), begitulah jugalah kadar keberaniannya menjatuhkan hukuman hampir murtad atau murtad *juzie* yang membawa kepada murtad sepenuhnya terhadap individu, jika melakukan maksiat terhadap Allah s.w.t. dan menyalahi syariatnya dalam tanggungjawab sosialnya. Demikian juga halnya dengan masyarakat yang mengikut jalan yang sama.<sup>17</sup> Beliau mengingat individu dengan berkata, "Sesungguhnya jika anda mengikut jalan yang bertepatan dengan perancangan bukan Islam yang jelas dan

nyata dalam isu-isu politik dan ekonomi, anda boleh dianggap murtad *juzie* yang membawa anda kepada murtad sepenuhnya.”<sup>18</sup>

Bagaimanapun tidak ada lagi istilah murtad secara *juzie* ini bagi masyarakat. Masyarakat yang mengatur sistem politik, ekonomi dan kebudayaannya berasaskan sistem bukan Islam, tidak lagi boleh dianggap masyarakat Islam. Bagi beliau:

Tidak mungkin bagi mana-mana manusia selagi tidak berpenyakit gila, dapat menggambarkan mana-mana masyarakat di dunia ini sebagai masyarakat Islam, sekali pun masyarakat itu telah memilih sistem bukan Islam untuk perjalanan hidupnya. Sesuatu masyarakat jika dengan kesedaran dan kehendaknya yang bebas, memperakukan bahawa syariat Islam tidak lagi sistem bagi perjalanan hidupnya dan ia akan membentuk sendiri sistem hidupnya atau menceduk sumber yang bukan sumbernya. Tidak ada lagi sebab untuk menamakan masyarakat itu sama sekali sebagai masyarakat Islam.<sup>19</sup>

Penilaian yang dibuat oleh Al-Maududi terhadap masyarakat dan individu yang tenggelam dalam kemunduran warisan ini tidak mengambil kira perbezaan antara keluar daripada syariat sama ada dengan ingkar atau keluar disebabkan kelemahan dan ketiadaan upaya semata-mata kerana maksiat, sebagaimana yang dipegang oleh para ulama yang mewarisi pandangan silam. Itizam aliran *Al-Jami'atu l-Islamiyyah* dan *Ikhwan* kepada pegangan ulama silam itu mungkin disebabkan mereka mendapat didikan formal dalam bidang pengajian Islam. Latar belakangnya sebagai intelektual yang bebas dan pengalaman kewartawanannya menyebabkan beliau tidak terikat dengan pandangan-pandangan tersebut. Beliau lebih berani menganalisis aspek akidah dengan lebih bebas, sungguhpun pandangan bebasnya itu dianggap terkeluar daripada aliran *Ahlu l-Sunnah Wa l-Jama'ah* oleh beberapa kalangan.

Penolakan dan penentangan Al-Maududi terhadap jahiliah yang melanda dari Barat, yang menjadi punca penyelewengan daripada sistem Islam, lebih mendalam dan meluas daripada pemikiran haraki yang dikemukakan sebelumnya. Bahaya terbesar daripada jahiliah

ini, seperti juga pandangan Al-Banna, ialah di bidang pemikiran dan tamadun kerana bidang ini menguasai kalangan terpelajar di dalam masyarakat itu sendiri. Selain menerangkan hakikat akan penolakannya, beliau tidak pula mengambil pendirian itu secara fanatik, tetapi setelah menilainya dari kaca mata seorang cendekiawan Muslim yang membentuk minda dan jiwanya dengan jiwa tamadun Islam yang unik. Ini dapat dilihat daripada pelbagai tulisan, khususnya ketika menganalisis pendirian pelbagai golongan dalam masyarakat Islam terhadap tamadun dan kebudayaan Barat itu.

Pada pendapat beliau terdapat dua golongan yang utama yang menyambut tamadun pendatang ini. Pertama, yang menyambutnya secara histeria. Golongan ini begitu kagum dengan tamadun dan kebudayaan Barat yang menyebabkan mereka menerimanya tanpa berfikir. Bagi golongan ini, kita tidak seharusnya menentang kedatangan tamadun dan kebudayaan Barat. Kedatangan itu mestilah diterima secara positif dengan mengambil faedah daripada sistem kehidupan yang baru itu untuk kemajuan dan pembangunan. Pihak yang lain pula, ialah golongan yang tidak memberikan sebarang reaksi yang besar dan menerimanya dengan sikap yang beku. Ini berlaku di kalangan mereka yang mewarisi kemunduran yang takut kepada tamadun dan budaya yang mendatang ini dan terperanjat dengannya akibat kelesuan dan kelemahan mereka. Mereka cukup berpuas hati dengan budaya dan pemikiran mundur mereka terpisah daripada perkembangan semasa dan yang lebih menghairankan jauh daripada roh Islam awalan.<sup>20</sup>

Sebagaimana pendiriannya terhadap tamadun mendatang tidak dikuasai oleh semangat ketaksuban, begitulah juga pendiriannya terhadap cabaran kemunduran warisan. Beliau masih mengakui adanya aspek-aspek positif dalam kebudayaan warisan itu. Beliau mengakui aspek-aspek yang perlu dan masih perlu dimanfaatkan daripada sikap penerimaan yang jumud itu dan masih mengakui kedudukannya.<sup>21</sup>

Pendirian Al-Maududi terhadap tamadun dan kebudayaan Barat umumnya tidak begitu kontroversial di kalangan masyarakat

Islam. Tetapi pandangan beliau terhadap faham kebangsaan (*qaumiyyah*) demokrasi dan *hakimiyyah Ilahiyyah* menimbulkan kontroversi yang sama seperti pandangannya terhadap akidah. Menurut Mohd. Imarah, kontroversi yang timbul berpunca daripada salah faham terhadap pandangan beliau.

Dalam dekad keenam kurun ke-20, Al-Maududi muncul sebagai tokoh pemikir Islam yang berpengaruh dalam gerakan kebangkitan Islam di seluruh dunia Islam. Setelah berlalu kepimpinan bersejarah *Ikhwanu l-Muslimun* dengan pembunuhan ke atas Hassan Al-Banna, Al-Maududi menjadi tokoh yang paling berpengaruh di kalangan gerakan Islam di Mesir dan dunia Arab. Ini menyebabkan tulisan-tulisan beliau tentang nasionalisme, demokrasi dan *hakimiyyah* (terutamanya apabila tulisan-tulisan itu dibaca secara terpisah-pisah dan khususnya apabila mereka menjadi fasilitator kepada pemikiran beliau, lupa kepada suasana khusus dan persekitaran yang berbeza di India sebelum kemerdekaan dan pembahagian benua kecil India di mana buku-buku itu ditulis) telah diletakkan di tempat yang bukan sewajarnya sehingga membuahkan kefahaman yang tidak dimaksudkan penulisnya, bahkan bertentangan dengan apa yang dimakudkannya.<sup>22</sup>

Jika dibaca teks tulisan Al-Maududi tentang ketiga-tiga isu ini secara terpisah, jelas kelihatan bahawa beliau menolak faham kebangsaan dan demokrasi. Ini dapat dilihat daripada kenyataan beliau:

Aku berkata kepada orang-orang Islam dengan terus terang bahawa demokrasi nasionalisme sekular adalah bertentangan dengan apa yang dianuti mereka daripada ajaran agama dan akidah. Islam yang anda beriman dengannya dan anda menamakan diri anda sebagai orang-orang Islam tegak di atas asas yang berlawanan secara nyata dengan sistem yang tertokok ini, berlawanan dengan semangatnya, memerangi prinsip-prinsip asasnya, bahkan memerangi setiap bahagian daripadanya. Tidak kesesuaian antara kedua-duanya, walaupun di dalam perkara yang remeh kerana kedua-duanya berada dalam keadaan bertentangan. Di mana sistem ini berada, kami

menganggap tiada lagi sistem Islam dan di mana Islam berada, maka tiada tempat lagi untuk sistem ini.<sup>23</sup>

Menurut Mohd. Imarah, permusuhannya terhadap nasionalisme dan demokrasi bukan permusuhan prinsip, apa lagi jika dikaitkan dengan prinsip Islam. Permusuhannya ialah terhadap suatu pemikiran politik yang dilihatnya dalam konteks persekitaran sejarah India, memudaratkan orang Islam India dan menggugat keislaman mereka.<sup>24</sup> Masyarakat Islam di India adalah minoriti dan nisbahnya ketika itu hanyalah satu per empat daripada jumlah penduduk negara itu. Ini bermakna bahawa negara bangsa yang satu diperintah oleh golongan majoriti, mengikut sistem demokrasi, dengan penguasaan golongan Hindu ke atas orang Islam.

Hakikat ini amat memudaratkan orang Islam. Al-Maududi membicarakan masalah ini dengan terperinci dan kerananya beliau menolak nasionalisme dan demokrasi. Ia mengumumkan bahawa majoriti Hindu bukan majoriti biasa di negara-negara demokrasi, iaitu majoriti yang berasaskan pendapat dan persoalan cabang yang mungkin meletakkan kaum minoriti di tempat golongan majoriti dan sebaliknya. Ini kerana perbezaan antara orang Hindu dengan Islam bukan hanya perbezaan pendapat terhadap isu-isu politik yang berlaku, bahkan perbezaan dari segi teras tamadun yang kukuh. Justeru, kaum majoriti akan berkuasa untuk selama-selamanya. Ini bermakna orang Hindu akan menguasai orang Islam dan ini dalam konteks persekitaran di India, memudaratkan keislaman orang Islam dan ciri-ciri ketamadunan mereka yang khusus.<sup>25</sup>

Inilah sebab yang sebenar mengapa Al-Maududi menolak faham kebangsaan (*al-qaumiyyah*) dan demokrasi. Sebab sebenar itu bukan kerana kedua-duanya datang dari Eropah. Al-Maududi membezakan nasionalisme politik yang dibina di atas kesatuan tanah air yang tidak disatukan oleh tamadun dan nasionalisme tamadun yang membentuk kesatuan manusia berdasarkan asas-asas tamadun yang sama. Ia menolak yang pertama, kerana itulah yang dijadikan asas penyatuan penduduk India dan sistem demokrasi dalam pembentukan negara tersebut. Ini akan membawa penguasaan or-



ang Hindu terhadap orang Islam. Ia menerima yang kedua, kerana orang Islam India adalah kebangsaan yang tersendiri. Justeru, mereka mesti mempunyai entiti politik tersendiri yang membolehkan mereka memelihara tamadun sendiri dan membangunkannya.<sup>26</sup>

Dalam salah satu tulisannya, Al-Maududi menjelaskan faham kebangsaan yang diterima dan ditolaknya dengan lebih nyata dan jelas. Beliau menegaskan bahawa jika yang dimaksudkan daripada faham kebangsaan itu ialah kewarganegaraan (*nationality*), maka ia adalah suatu fitrah yang kita tidak dapat menentanginya. Begitu juga jika yang dimaksudkan ialah pertolongan seseorang terhadap bangsanya, kita juga tidak dapat menentanginya, jika kasih itu tidak dimaksudkan *asabiyyah* terhadap bangsa secara membuta tuli yang menjadikan seseorang itu membenci bangsa yang lain dan memihak kepada bangsanya dalam perkara yang benar dan palsu.

Jika yang dimaksudkan ialah dasar kebebasan kebangsaan, ia juga adalah matlamat yang baik. Adalah menjadi tanggungjawab setiap individu bangsa itu untuk menjayakannya dan menentukan bangsa itu sendiri menjalankan urusan pemerintahan negaranya. Tetapi yang ditentang dan dibenci serta diperangi dengan sepenuh keupayaan ialah faham kebangsaan yang meletakkan dirinya, kepentingannya, dan keinginannya semata-mata berada di atas kepentingan dan kehendak semua manusia. Kebenaran baginya, hanyalah apa yang dapat memenuhi tuntutan, yang sehaluan dengannya dan yang mengangkat kedudukannya, walaupun dengan berlaku zalim dan hina orang lain.<sup>27</sup>

Dalam menjayakan cita-cita untuk menegakkan kembali tamadun Islam yang telah runtuh dan mengubah kemurtadan masyarakat Islam semasa dan penyimpangannya daripada Islam di tengah-tengah cabaran kemunduran warisan masyarakat Islam dan tamadun Barat yang mendatang, Al-Maududi memulakan dengan menyebarkan fahamannya melalui tulisan-tulisannya kepada umum. Di samping itu beliau berusaha mengumpulkan mereka yang yakin dengan perjuangannya untuk membentuk kumpulan yang terpilih yang dinamakan *Al-Jama'atu l-Islamiyyah* yang akan membawa obor perjuangan memusnahkan halangan-halangan jahiliah,

sebagaimana Rasulullah s.a.w. mengajak sahabat-sahabat baginda untuk menghancurkan jahiliah dan menegakkan Islam.

Al-Maududi melihat dirinya berada di hadapan jahiliah seperti mana Islam berhadapan dengan jahiliah ketika Allah s.w.t. menurunkan wahyu kepada Nabi Muhammad s.a.w. Rasulullah s.a.w. memulakan langkah menghadapi jahiliah dengan membentuk jamaah orang beriman, yang menghayati akidah baru yang didakwahkan oleh baginda sehingga akidah itu menjadi gerakan menghapuskan syirik dan jahiliah bagi menegakkan agama dan masyarakat yang berpegang kepada akidah yang baru.<sup>28</sup>

Al-Maududi yakin bahawa cara kebangkitan semula Islam mestilah melalui *manhaj* pergerakan yang dilaksanakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. Apa yang difahami oleh beliau tentang *manhaj* ialah pembentukan masyarakat itu terdiri daripada mereka yang bertabiat dan bersifat benar dan ikhlas dan secara fitrahnya cenderung kepada kehidupan yang bersih. Kemudian, dengan menggunakan kaedah pendidikan yang terbaik, mengislahkan mereka seorang demi seorang dan menanam dalam hati setiap orang daripada mereka tujuan hidup yang tinggi serta menjadi peribadi setiap orang kuat dan kukuh sehingga mereka berpegang dan beriltizam penuh kepada matlamat hidup yang tinggi ini. Mereka tidak lagi mempunyai perasaan takut kepada kekuasaan apa juga pun. Sifat tamak untuk sesuatu faedah dan keuntungan atau takut kepada sesuatu kemudaratan, tidak lagi dapat menggugat matlamat hidup ini.<sup>29</sup> Beginilah caranya jamaah awalan Islam dibentuk dan berdasarkan contoh *mithali* inilah Al-Maududi berusaha membentuknya kembali bagi menghadapi jahiliah baru yang menguasai masyarakat manusia pada zaman ini dan membangunkan kembali tamadun Islam yang telah runtuh itu.

Dalam pendekatan itu, al-Maududi bersama-sama dengan jemaah yang dibentuknya berusaha menggerakkan pembaharuan tamadun dan *tajdid* hadari yang pertama, bersifat melampaui batas pemikiran kepada penghayatan. Kedua, tidak berkompromi dan menyerah kepada jahiliah dan tidak mencampuradukkan Islam dengan jahiliah moden yang datang dari Barat itu. Bahkan beliau

berusaha membersihkan Islam daripada jahiliah sehingga ke akar umbinya serta berusaha menghidupkan Islam sedaya upayanya, dalam keadaannya yang tulen. Ketiga, menghidup dan membangkitkan kembali minda Islam sebagai suatu sistem berfikir dan melihat alam dan masyarakat. Keempat, pembaharuan yang melampaui pengajian ilmu agama semata-mata kepada ilmu dunia dalam pelbagai bidang, dengan menggarap prinsip-prinsip agama dan melihat penemuan baru di dalam lingkungannya. Demikian juga, tamadun Islam yang lama itu dikaji semula untuk melengkapkan masyarakat Islam dengan faktor-faktor kemajuan menerusi penghayatan syariat yang dinamik. Kelima, bertolak daripada revolusi kebudayaan Islam ini dan menerusi jihad Islam di dalam wilayah sebuah negara Islam, maka usaha itu dikembangkan ke seluruh dunia Islam, seterusnya ke seluruh dunia supaya Islamlah yang memegang kepimpinannya di bidang akhlak, pemikiran dan politik.<sup>30</sup>

Yang memikul amanah yang berat ini bukan individu, tetapi *Jama'ah Islamiyyah*. Tetapi jemaah ini, dalam perjuangannya mestilah berwaspada daripada menggunakan apa cara jua pun untuk tunduk kepada jahiliah.<sup>31</sup>

Pendekatan Al-Maududi dalam menggerakkan pembaharuan Islam dan menghadapi cabaran realiti masyarakat Islam sezaman mempunyai beberapa perbezaan ketara dengan pendekatan Al-Banna. Sementara Al-Banna menggerakkan kesedaran massa untuk melaksanakan program perjuangannya, Al-Maududi menumpukan usahanya ke arah membentuk *sofwah* yang terpilih bagi memulakan gerakan revolusinya untuk menegakkan Islam kembali. Al-Banna melihat realiti masyarakat Islam sebagaimana keadaannya untuk menggerakkan pembaharuan dan kebangkitan semula Islam, tanpa mengkafirkannya atau menganggap jahiliah dan sebagainya. Beliau menginsafi kemunduran yang berlaku dan memahaminya dengan penuh kesedaran untuk menggerakkan mereka keluar daripada keadaan itu. Tetapi Al-Maududi memahami keadaan itu dan secara terus terang menyifatkan keadaan itu sebagai jahiliah dan terkeluar daripada Islam. Pendekatan revolusioner Al-Maududi berbeza

dengan pendekatan berhati-hati dan sederhana yang dihayati oleh Al-Banna.

Pendekatan berbeza ini, bagaimanapun tidak menghalang pemikiran haraki yang dipelopori oleh kedua-dua tokoh ini berkembang seiring di seluruh dunia di kalangan pejuang pembaharuan dan kebangkitan Islam. Kekosongan kepimpinan *Ikhwan* setelah Al-Banna dibunuh, memberikan ruang kepada pemikiran Al-Maududi untuk berkembang di kalangan orang *Ikhwan*, terutama di kalangan golongan muda. *Mehnah* yang dihadapi *Ikhwan* dan kekejaman yang berlaku ke atas mereka, menyuburkan fikrah revolusioner Al-Maududi dan pemahamannya terhadap realiti masyarakat sebagai masyarakat jahiliah. Meskipun pendekatan dan pendirian sederhana yang penuh keinsafan Al-Banna terus dipertahankan oleh generasi Al-Banna dan mereka yang terus yakin kepadanya, namun di kalangan generasi muda yang merasai kegetiran *mehnah* dan kekejaman yang berlaku dan tidak sabar dengan kekejaman itu, lebih tertarik kepada pendekatan revolusioner Al-Maududi.

Masalah generasi kedua *Ikhwan*, pertamanya disebabkan renggang perhubungan antara mereka yang berada di penjara dan yang di luar penjara dengan kepimpinan yang benar-benar memahami pendekatan al-Banna. Kedua, penerimaan mereka terhadap pendekatan dan pemikiran Al-Maududi tidak menerusi bimbingan yang semestinya, kerana berbeza benua dan kepayahan perhubungan. Justeru itu, mereka memahaminya melalui penulisan semata-mata yang menimbulkan fahaman tersendiri yang dalam beberapa keadaan tidak dimaksudkan oleh Al-Maududi sendiri.

Pengaruh pemikiran Al-Maududi menjadi benih yang subur untuk berkembang, apabila muncul di kalangan *Ikhwan* sendiri tokoh pemikir yang memiliki pemikiran revolusioner yang selari dengan Al-Maududi. Mereka inilah yang mengembangkan pemikiran beliau dan membentuk aliran penolakan sepenuhnya terhadap realiti. Tokoh yang dimaksudkan itu tidak lain daripada Syed Qutb.

Pandangan Syed Qutb tentang *hakimiyyah* hanya untuk Allah s.w.t. tidak berbeza dengan pandangan Al-Maududi. Berdasarkan

tuntutan *La Ilaha Illal Lah* bermakna bahawa tiada *hakimiyyah* melainkan untuk Allah s.w.t., tiada syariat melainkan daripada Allah s.w.t., dan tiada kekuasaan seseorang ke atas yang lain, kerana kekuasaan itu semuanya untuk Allah s.w.t.<sup>32</sup> *Hakimiyyah Ilahiyyah* ini adalah menyeluruh, merangkumi aspek pengurusan kehidupan manusia, aspek fitrah dan aspek keberadaan alam seluruhnya, meliputi yang bersifat duniawi dan keagamaan, termasuk yang bersifat politik umumnya dan yang bersifat ibadah. Bagi setiap Muslim, *hakimiyyah Ilahiyyah* ialah neraca yang menjadi panduan dalam pelaksanaan dan juga dalam pengetahuan, pemikiran dan teori. Sebagaimana *hakimiyyah* itu dominan terhadap perjalanan *al-kaun*, begitulah juga sewajarnya ia dominan terhadap alam manusia. Islam datang untuk mengembalikan manusia kepada *hakimiyyah* Allah seperti keadaan alam seluruhnya yang termasuk di dalamnya manusia. Justeru, mestilah kuasa yang mengatur kehidupan mereka ialah kuasa yang mengatur keberadaannya.<sup>33</sup>

*Hakimiyyah* Allah terjelma di alam syariat-Nya, yakni semua yang disyariatkan oleh Allah s.w.t. bagi menyusun kehidupan manusia. Ini termasuklah prinsip-prinsip kepercayaan, pemerintahan, akhlak, tingkah laku dan juga pengetahuan.<sup>34</sup> Tidak selayaknya manusia menolak syariat, yakni *hakimiyyah* atas alasan bertentangan dengan kepentingan manusia, justeru kepentingan manusia itu sendiri terkandung di dalam syariat Allah s.w.t. Apabila pada suatu masa manusia mendapati kepentingan mereka bercanggah dengan apa yang disyariatkan Allah s.w.t. untuk mereka, pertama, mereka keliru dan keduanya mereka kafir. Seseorang yang mendakwa bahawa kepentingan yang dilihatnya menyalahi syariat Allah s.w.t. mungkin tidak berada, walaupun sedetik, di dalam agama ini dan menjadi penganut agama ini.<sup>35</sup>

Tetapi kemestian bahawa *hakimiyyah* itu khusus untuk Allah s.w.t. tidak pula dinafikan hak manusia untuk berjihad dengan syarat-syaratnya di dalam lingkungan kedaulatan *hakimiyyah* di dalam perkara yang tiada nas. Jika tiada nas, maka nas itulah penentu. Tiada ijihad bersama nas. Jika tiada nas, di sinilah munculnya

peranan ijtihad berdasarkan prinsip-prinsip yang telah ditetapkan dalam *manhaj* Allah itu sendiri, bukan berdasarkan hawa nafsu dan keinginan. Tiada sesiapaupun yang berkata tentang syariat Allah s.w.t. melainkan jika *hakimiyyah* tertinggi untuk Allah diumumkan dan sumber segala kekuasaan ialah Allah s.w.t., bukan rakyat, bukan parti dan bukan juga mana-mana manusia. Segala-galanya hendaklah dirujuk kepada kitab Allah s.w.t. dan sunnah Rasulullah s.a.w. bagi mengetahui apa jua yang dikendakinya.<sup>36</sup> Tetapi kuasa ijtihad ini bukan milik sesuatu golongan masyarakat seperti halnya dalam agama Kristian. Hal ini kerana kuasa agama dalam Islam adalah nas Ilahi. Sesiapaupun tidak berhak berbicara bagi pihak Allah s.w.t. melainkan Rasul-Nya. Hanya di sana ada nas-nas tertentu yang menentukan apa yang disyariatkan oleh Allah s.w.t.<sup>37</sup>

Syed Qutb menganalisis masyarakat Islam semasa dan baginya, mereka telah menganut dengan *hakimiyyah* yang lain daripada Allah s.w.t. Ini berlaku bukan kerana ia rukuk dan sujud kepada yang lain selain Allah s.w.t., tetapi kerana mereka menerima dan melaksanakan *hakimiyyah taghut* dalam hampir semua ciri kehidupannya. Justeru, ia mengambil semua ciri kehidupannya daripada *taghut*, sehingga kufur dengan Islam secara jelas dan nyata.<sup>38</sup>

Kesimpulan daripada analisis tersebut adalah jelas bahawa Syed Qutb membuat penilaian yang lebih jauh dan keras terhadap masyarakat Islam kini daripada Al-Maududi dan bertentangan sama sekali dengan Al-Banna. Al-Banna berbicara tentang Mesir dan masyarakat Islam di negara itu dengan menyebut bahawa ia bersatu dengan Islam secara keseluruhannya. Akidah, bahasa dan tamadunnya dan fenomena Islam menjulang kukuh, bersemarak di dalam kebanyakan aspek kehidupannya dengan namanya Islam, bahasanya ialah bahasa Arab dan masjid-masjidnya ialah yang agung menyebut nama Allah s.w.t. dan suara yang menyeru kebenaran bergema siang dan malam. Peranan ini tidak bergelora melainkan geloranya itu untuk Islam dan untuk apa yang berkaitan dengan Islam.<sup>39</sup> Jika Al-Maududi yang mempelopori perbicaraan tentang

*hakimiyyah*, takfir dan jahiliah dalam sejarah Islam moden, sekada menyebut tentang kemurtadan masyarakat dan bukannya umat,<sup>41</sup> tetapi Syed Qutb pergi lebih jauh dan menganggap masyarakat Islam kini termasuk di dalam masyarakat jahiliah. Beliau berkata “termasuk di dalam lingkungan masyarakat jahiliah ialah masyarakat yang menganggap dirinya masyarakat Islam.”<sup>41</sup>

Setelah menghukum semua masyarakat telah murtad daripada syariat Allah s.w.t. kerana sudah tidak ada lagi masyarakat yang benar-benar hanya merujuk syariat Allah s.w.t. dalam menentukan hukum dan menolak yang lainnya, beliau turut menghukum bahawa umat Islam sudah tidak wujud lagi, bukan pada kurun ini sahaja tetapi beberapa kurun yang lalu.<sup>42</sup> Sebagaimana masyarakat manusia juga secara individu dan kumpulan bukan lagi orang Islam. Justeru, mereka mesti didakwahkan supaya menganut Islam semula. Masalah sebenarnya ialah masalah kufur dan iman, masalah syirik dan tauhid, masalah jahiliah dan Islam. Inilah perkara yang sepatutnya sudah jelas. Manusia yang mendakwa Islam bukanlah seperti yang dianggap mereka. Mereka hidup secara kehidupan masyarakat jahiliah. Ini bukan Islam dan mereka bukan orang Islam. Dakwaan hari ini digerakkan untuk mengembalikan orang-orang jahiliah itu kepada Islam supaya mereka kembali menjadi orang Islam.<sup>43</sup>

Syed Qutb mempunyai cita-cita yang sama dengan para pemikir Arab yang lain sejak Al-Afghani, iaitu menggerakkan pengembalian kebangkitan Islam dan penegakan tamadunnya semula. Tetapi bagaimana hal itu hendak dimulakan? Jawapan Syed Qutb kepada persoalan ini, sama dengan jawapan Al-Maududi. Oleh sebab kita sedang berhadapan dengan kekufuran dan jahiliah sebagai zaman awalan Islam, maka semestinya jalan untuk kebangkitan semula Islam yang dilalui kita ialah jalan yang sama yang dilalui oleh kebangkitan Islam awalan. Kita harus bermula di titik permulaan seperti mana mereka memulakannya, mengikut *manhaj* yang sama dan tahap-tahap yang serupa sehingga kita sampai kepada kebangkitan semula Islam.

Langkah pertama ialah membentuk jemaah orang beriman yang dimulakan oleh seorang. Ia dimulakan dengan akidah dan

peringkat ini, hanyalah akidah yang menyerupai segenap aspek akidah di peringkat Makkah dalam kehidupan Islam awalan. Ia adalah tahap *hadanah* dan pembentukan. Pada peringkat ini, *manhaj* yang diguna pakai ialah manhaj pembentukan akidah yang serupa dengan *manhaj* yang digunakan oleh jemaah Islam awalan di Makkah. Semua sumber jahiliah hendaklah ditolak dan bergantung hanya pada satu sumber sahaja, iaitu al-Quran. Semua yang di persekitaran kita adalah jahiliah. Selain itu kesucian sumber, iaitu al-Quran yang dipelihara Allah s.w.t. amat penting sekali di peringkat *hadanah* dan pembentukan ini supaya tidak diracuni oleh unsur-unsur daripada perkembangan dunia moden. Sumber-sumber kini telah dicampur aduk dan kerana itu perlu sekali panduan daripada generasi sahabat yang hanya mengambil sumber al-Quran. Justeru, ia menjadi generasi yang unik dalam sejarah.<sup>44</sup>

Penerimaan akidah tidak cukup hanya dengan sumber yang satu dengan sumber yang diambil oleh para sahabat. Bahkan penerimaan kita mestilah sama dengan penerimaan mereka, iaitu untuk melaksanakannya dan bukan semata-mata untuk penyelidikan dan kajian bagi kepuasan pemikir. Jemaah beriman ialah pasukan tersusun yang menerima akidah daripada al-Quran sahaja, sebagaimana tentera menerima perintah daripada ketuanya, bagi melaksanakan dan bukan semata-mata ilmu. *Manhaj* untuk melaksanakan dan beramal ialah manhaj yang berbentuk generasi awalan. *Manhaj* menerima untuk kajian dan kepuasan ialah *manhaj* yang melahirkan generasi selepasnya. Inilah faktor-faktor asas yang membezakan generasi seluruhnya dengan generasi istimewa yang unik itu. Justeru, *manhaj* harakah Islamiah hendaklah bebas di peringkat *hadanah* dan pembentukan daripada sebarang bentuk pengaruh jahiliah. Kita mestilah merujuk terus kepada sumber yang bersih yang dirujuk oleh generasi sahabat yang unik itu, bukan dengan semangat untuk kajian dan kepuasan semata-mata.<sup>45</sup>

Setelah terbentuknya jemaah pelopor ini yang bergerak ke arah kebangkitan Islam semula, ia hendaklah menentukan hubungan yang jelas antara dirinya dengan jahiliah yang melingkunginya di peringkat Makkah ini, peringkat *hadanah* dan pembentukan. Jemaah ini



hendaklah mengundurkan diri daripada rangkaian dalam masyarakat jahiliah, sehingga ia tidak menyumbang ke arah penguatan masyarakat jahiliah itu. Sebagai gantinya ialah menjadikan gerakannya ke arah meruntuhkannya bagi menegakkan masyarakat Islam.<sup>46</sup>

Sungguhpun begitu, pada peringkat *hadamah* dan pembentukan ini, hubungan dengan masyarakat jahiliah itu tidaklah diputuskan langsung. Bahkan ia terpaksa mengadakan beberapa bentuk hubungan dengannya. Bahkan perhubungan itu dikendaki untuk memperluas jemaah pelopor itu. Yang penting ialah menghapuskan jahiliah. Justeru, ia mengamalkan *uzlah* pada suatu pihak dan berhubung dengan masyarakat jahiliah yang melingkunginya pada pihak yang lain. Ia bergaul tetapi berbeza, mengambil dan memberi dengan bermaruah, melawan dengan kebenaran dalam kemesraan dan meninggikan keimanan dengan merendah diri.<sup>47</sup>

Apabila jemaah pelopor ini meneruskan perjalanannya sehingga melampaui peringkat *hadanah* dan pembentukan akidah dan dapat menegakkan masyarakat sebenar yang tunduk kepada *hakimiyyah Ilahiyyah*, dan menyusun semua urusan kehidupannya berdasarkan syariat Islam, masyarakat ini akan menjadi masyarakat akidah yang dihayati di dalamnya, yang menentukan falsafah dan *tasawwurnya*, pelaksanaan dan hubung kaitnya, serta menggariskan batasan-batasannya. Masyarakat akidah ini ditegaskan di atas ikatan tali akidah semata-mata, bukan ikatan bangsa, bumi, warna kulit, bahasa dan kepentingan di bumi yang dekat dan perbatasan kawasan.<sup>48</sup>

Sebagaimana Al-Maududi, Syed Qutb juga meletakkan jihat ini di tempat yang penting. Ia bukan hanya saluran untuk mempertahankan dakwah di tempat sendiri, bahkan juga merupakan serangan terhadap sistem dan pemerintahan yang tidak menggariskan *hakimiyyah Ilahiyyah*.

Berdasarkan teori *hakimiyyah Ilahiyyah* ini, nasionalisme dan demokrasi dan apa jua sistem dari Barat, tidak mendapat tempat langsung dalam pemikiran Syed Qutb. Semuanya ditolak sejak awal lagi dan tidak mungkin diterima sama ada berasaskan tanah

atau bangsa. Yang menjadi ikatan setiap anggota masyarakat bukannya tanah air atau bangsa, tetapi akidah dan hanya akidah sahaja.

Demikianlah aliran-aliran pemikiran haraki yang berkembang di dunia Islam pada zaman moden ini yang berusaha memulakan kembali kebangkitan Islam untuk membangunkan semula tamadun Islam. Pemikiran haraki inilah yang berhadapan dengan cabaran-cabaran kemunduran yang diwarisi dan kemaraan ganas tamadun dan peradaban Barat.

Walaupun kaya dengan idea yang berkaitan dengan sistem dan kaedah pergerakan bagi melancarkan kebangkitan itu, namun pemikiran haraki itu amat bergantung pada kekentalan iman dan keikhlasan perjuangan. Ia amat bergantung pada sejauhmana kejayaan membentuk sahsiah unggul yang mempunyai iman yang kental, ikhlas dan kuat.

Hukuman yang dikenakan terhadap masyarakat Islam kini sebagai kafir dan jahiliah, menyebabkan harakah Islamiah tidak dapat menggunakan potensi umat bagi menjayakan kemenangan Islam. Umat Islam yang sebahagian besarnya mempunyai kehairahan yang tinggi terhadap Islam, adalah potensi besar yang jika digerakkan dengan bijaksana, akan menjadi kekuatan kepada Islam.

Tetapi apabila masyarakat ini dikafirkan dan dijahiliahkan, pastinya sukar untuk mewujudkan hubungan yang kukuh antara mereka dengan pergerakan dakwah. Apalagi jika hubungan itu dalam bentuk yang dianjurkan oleh Syed Qutb, iaitu hubungan yang mempunyai bibit keraguan dan prasangka yang bersifat memencilkan diri daripada mereka pada suatu pihak, dan yang berhubung dengan mereka pada pihak yang lain.

Sentimen yang masih hangat di kalangan masyarakat Islam menjadikan mereka terpengaruh kepada mana-mana sahsiah yang *mutadayyin*. Sentimen ini berbeza sama sekali dengan sentimen zaman jahiliah. Justeru, tindakan menyamakan masyarakat Islam kini sebagai masyarakat jahiliah adalah keterlaluan dan menjadikan

perancangan untuk membina kekuatan ummah bagi menggerakkan semula kebangkitan Islam menghadapi kebuntuan.

Pendekatan yang digunakan oleh Al-Banna, mungkin boleh memanfaatkan potensi tersebut. Namun ia berakhir dengan pemergian Al-Banna, dan mereka yang menggantikannya tidak memiliki kekuatan untuk meneruskan pendekatan itu secara berkesan. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan ketika berhadapan dengan perkembangan semasa, khususnya revolusi tentera menyebabkan *Ikhwan* ditimpa *mehnah* yang membelenggu pergerakannya. Pengaruh pemikiran Al-Banna sendiri makin ditinggalkan oleh generasi muda yang lebih bersifat revolusioner dan menerima pendekatan Syed Qutb yang lebih keras dan ekstrem daripada pendekatan Al-Maududi.

Dengan meletakkan masyarakat Islam kini di dalam lingkungan masyarakat jahiliah, dan dengan keyakinan bahawa cara menghadapinya mestilah serupa dengan *manhaj* yang dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w menyebabkan pergerakan dakwah ini kehilangan keanjalannya. Pada hal, kepelbagaian *manhaj* tidak pernah dilarang oleh Islam, asalkan ia terus berpegang pada kebijaksanaan dan prinsip-prinsip umum yang ditentukan oleh syariat Islam.

Syed Qutb menyalahi pendapatnya sendiri apabila mencirikan masyarakat generasi sahabat. Hanya masyarakat yang bercirikan generasi awalan itu sahaja yang boleh diiktiraf sebagai masyarakat Islam, meskipun pada waktu yang sama, generasi tersebut dianggap unik keberadaannya, dan tidak akan berulang lagi di dalam sejarah. Oleh yang demikian, cita-cita pembentukan jemaah Islam yang sah seperti jemaah Islam awalan itu merupakan khayalan yang tidak berpijak di bumi nyata. Masalahnya, adakah masyarakat Islam hari ini diterima sebagai masyarakat Islam apabila bercirikan masyarakat zaman *mithalinya*? Adakah mereka sifat keislamannya hilang jika berkurangan daripada keadaan zaman tersebut?

Penggunaan pendekatan akidah semata-mata sebagai asas untuk kebangkitan Islam, tanpa sekali gus memberikan perhatian kepada pembinaan sistem alternatif bagi menyelamatkan ummah daripada dibelenggu sistem jahiliah, akan dengan sendirinya

melemahkan pendekatan itu sendiri dan menggagalkannya. Hal ini kerana akan wujud pertentangan antara akidah yang dipegang dengan realiti kehidupan yang dihadapi. Manusia akan menghadapi kesukaran untuk menghadapi realiti dan keperluan kehidupannya, jika mereka menolak realiti itu untuk menjaga akidahnya. Hanya apabila realiti itu diubah supaya bersesuaian dengan akidahnya, maka akan wujud keserasian yang membolehkannya menjalani kehidupannya dengan sistem yang serasi dengan akidahnya. Justeru, walaupun di peringkat *hadamah* dan pembentukan, pembinaan akidah mestilah berjalan serentak dengan pembentukan sistem, terutama di tengah-tengah masyarakat yang sentimennya terhadap Islam masih kukuh.

### **Fenomena Kegagalan Parti-parti Islam**

Perkembangan haraki di dunia Islam mendorong penubuhan parti-parti Islam yang menjadikan politik dan perebutan kuasa politik sebagai agenda utama perjuangannya. Istilah Islam politik menjadi sebahagian daripada bahan kajian terhadap Islam kontemporari. Tulisan ini akan cuba menganalisis tajuk ini secara permulaan, bagi melihat fenomena kejayaan dan kegagalan Islam politik ini dan kesannya kepada persoalan tamadun.

Islam politik berbeza dengan harakah Islam kerana agenda utamanya ialah untuk mendapatkan kuasa politik. Harakah Islam, sebagaimana yang tercerna dalam pemikiran haraki merupakan perjuangan membangunkan semula tamadun Islam dalam pelbagai bidang kehidupan dan program menghadapi cabaran daripada kemunduran warisan serta kemaraan tamadun dan kebudayaan Barat. Dalam perjuangan ini, yang ditekankan ialah iltizam kepada Islam di alam setiap langkah dan tingkah laku.

Menurut Olivier Roy, pola pemikiran gerakan Islam terbahagi kepada dua. Pertama, pola revolusionari yang berpegang pada pendapat bahawa proses Islamisasi masyarakat berlaku menerusi kekuasaan negara. Kedua, pola reformasi mereka yang menggerakkan aksi politik dan sosial, untuk tujuan mengislamisasikan

semula masyarakat dari bawah bagi menghasilkan *ipso facto* perjalanan menuju negara Islam.<sup>49</sup>

Islam politik dan harakah Islamiah sebenarnya tidak berbeza dari segi cita-cita dan harapan. Sementara penubuhan negara Islam menjadi agenda utama Islam politik, harakah Islamiah juga berjuang ke arah pembentukan negara Islam. Hanya yang berbeza ialah pendekatan. Bagi Islam politik, untuk membangunkan kembali tamadun dan kebudayaan Islam, kuasa politik di dalam sesebuah negara mestilah terlebih dahulu dikuasai oleh golongan yang memperjuangkan Islam. Tetapi bagi harakah Islam, penekanan ialah terhadap akidah dan pandangan hidup yang membentuk tingkahlaku dan budaya di dalam jemaah yang menggerakkan perjuangan Islam secara menyeluruh.

Islam politik bukan diukur semata-mata dengan penyertaan dalam pilihan raya. Hassan Al-Banna pernah menyertai pilihan raya tetapi *Ikhwanu l-Muslimin* tidak boleh dianggap sebagai pergerakan Islam politik, justeru matlamat penyertaan itu ialah untuk memperluas lapangan dakwah semata-mata, dan bukan untuk merampas kuasa politik sebagaimana agenda Islam politik.

Bagi mencapai matlamat mendapatkan kuasa politik, Islam politik menubuhkan parti-parti politik dan menyertai parti-parti lain dalam pilihan raya serta mematuhi kehendak sistem demokrasi yang membenarkan pilihan raya itu dijalankan. Dengan penubuhan parti politik tersendiri bagi memperjuangkan Islam, dengan pengaruh pemikiran haraki, Islam politik terpaksa bersaing dengan parti-parti politik orang Islam lain yang tidak memiliki pemikiran haraki atau pemerintahan yang sedia ada bagi mendapatkan pengaruh dan kuasa politik yang diinginkan itu. Di banyak negara, Islam politik muncul sebagai pembangkang dalam pemerintahan yang dipegang oleh golongan lain.

Mengapakah Islam politik ini berada dalam kedudukan demikian, sedangkan yang menggerakkan kebangkitan dan kesedaran untuk kemerdekaan itu ialah pemikiran haraki? Inilah salah satu fenomena kegagalan Islam politik yang menarik untuk dikaji.

Islam politik, terus melibatkan diri dalam perjuangan politik di dunia Islam setelah negara-negara Islam itu mencapai kemerdekaan daripada penjajah Barat. Mereka menyertai pilihan raya dan berusaha mendapatkan pengaruh dan sokongan rakyat untuk membentuk kerajaan. Penyertaan mereka dalam pilihan raya bermakna mereka terlibat dalam sistem demokrasi ciptaan Barat. Sebahagian mereka menerima sistem demokrasi dan menganggapnya tidak bertentangan dengan Islam. Sebahagian yang lain pula menyertainya sebagai saluran atau peluang untuk mereka mempengaruhi rakyat supaya menyokong perjuangan Islam.

Sudah menjadi lumrah, dalam amalan demokrasi, sesebuah parti pembangkang dan kerajaan atau berbagai-bagai parti bergabung dan membentuk kerajaan campuran, jika terdapat kepentingan politik untuk berbuat demikian. Parti-parti yang bergabung ini mungkin pula berpisah antara satu sama lain dan di antaranya kembali menjadi pembangkang, apabila tidak lagi kepentingan politik untuk kekal bersatu dalam kerajaan campuran. Perkara yang sama telah dilakukan oleh parti-parti Islam di mana-mana di dunia ini. Ada pula kalangan pendukung Islam politik ini yang mengadakan pakatan dengan parti-parti pembangkang yang lain daripada pelbagai idealogi untuk merampas kuasa daripada parti kerajaan yang memerintah.

Demikianlah apabila mereka yang mendokong Islam politik ini, menyertai politik dalam sistem demokrasi, mereka terpaksa menari mengikut rentak dan irama politik dalam sistem tersebut. Sekurang-kurangnya mereka terikut-ikut dengan rentak permainan politik sedemikian, yang kadangkala memperlihatkan pelanggaran dari etika Islam itu sendiri.

Bahkan golongan Islam politik ini turut juga terlibat dalam kegiatan politik negara-negara diktator sebagai pembangkang atau sebagai rakan dalam pemerintahan. Sebagai pembangkang di dalam negara diktator, mereka melancarkan pemberontakan bersenjata atau bergerak secara rahsia untuk menggulingkan kerajaan. Mereka yang berbuat demikian, tidak selamanya berbuat begitu. Adakalanya

mereka berdamai dengan pemerintah diktator itu dan menyertai kerajaan. Ada pula yang mengadakan pakatan dengan parti-parti pembangkang yang lain daripada pelbagai aliran untuk menggulingkan kerajaan secara revolusi kekerasan.

Sebagai orang politik, para pendukung Islam politik ini turut menggunakan taktik-taktik politik dan mengasosiasikan pertubuhannya dengan nama-nama pergerakan yang berpengaruh walaupun tindakan mereka sedikit pun tidak melambangkan fikr pergerakan itu. Banyak kalangan pendukung Islam politik yang menggunakan nama *Ikhwanu l-Muslimin*, misalnya, untuk menggerakkan cita-cita Islam politik yang didukung mereka. Bahkan Islam politik ini sering menggunakan nama dan imej Islam untuk mengumpul pengaruh, walaupun tindak-tanduk mereka tidak melambangkan tuntutan Islam yang sebenar. Mengikut Khalid Siddiqi:

The *Ikhwan's* name and enormous prestige have been used at will and often indiscriminately by individuals and groups. While most made use of the *Ikhwan* umbrella responsibly, there were many who merely used it in the pursuit of careers and patronage.<sup>50</sup>

Olivier Roy turut berpendapat bahawa yang membezakan pemikiran dalam gerakan Islam bukanlah persoalan tentang pentingnya negara Islam, tetapi ialah persoalan tentang cara bagaimana hendak mencapai matlamat dan sikap apakah yang harus diambil bagi menghadapi kuasa yang sedia ada. Apakah cara meruntuh, membangkang, mengadakan pakatan atau mengamalkan sikap tidak peduli? Semua pendekatan ini telah digunakan oleh golongan Islam politik untuk mencapai cita-cita mereka mendapatkan kuasa pemerintahan.<sup>51</sup> *Ikhwanu l-Muslimin* di Jordan, ada kalar menyertai kerajaan dan pada waktu yang lain pula kekal sebagai pembangkang. *Jama'at Islami* di Pakistan juga mengambil pendirian yang berbeza, dalam keadaan yang berlainan.

Adakalanya, kumpulan Islam politik ini bersekongkol dengan rejim tentera, seperti yang pernah berlaku di Pakistan dan Sudan. Mereka mungkin melancarkan pergerakan revolusi bersenjata, setelah kejayaan mereka dihalang, seperti yang berlaku di Algeria. Pendirian ini berbeza pula dengan kumpulan Islam politik di Turki yang tidak mengambil tindakan pemberontakan bersenjata apabila kerajaan mereka dihancurkan oleh tentera yang fanatik kepada pegangan sekularisme. Di Malaysia, kumpulan Islam politik ini pernah menyertai kerajaan dan menganggotai Barisan Nasional pada 1970 dan kemudiannya, bergerak bersendirian sebagai parti pembangkang. Kini, PAS yang merupakan parti bagi kumpulan Islam politik ini mengadakan pakatan pula dengan parti-parti pembangkang lain yang bertentangan dengan ideologi mereka. Walaupun perlembagaannya mencatatkan bahawa parti itu akan bekerjasama hanya dengan pihak yang sama tujuan dengan perjuangannya, tetapi apa jua sikap boleh diambil oleh kalangan Islam politik ini untuk mencapai cita-cita politiknya.

Pola pemikiran berbeza antara Islam haraki dengan Islam politik mungkin terjadi dalam jamaah yang menggunakan nama yang sama, seperti *Ikhwanu l-Muslimin* dan *Jama'at Islami* di Pakistan. Tetapi pola pemikiran yang sama, mungkin pula dianuti oleh pelbagai parti seperti di Afghanistan, di mana kumpulan Islam politik ini menyertai parti yang berlainan seperti, *Jama'at Islami, al-Hizbu l-Islami* dan lain-lain.

Dilihat dari aspek perjuangan kebangkitan semula Islam dan tamadunnya, umumnya pendekatan Islam politik menemui kegagalan. Ia bukan sahaja gagal mendapat kuasa pemerintahan, tetapi juga gagal dalam mengungkapkan agenda pembangunan semula tamadun Islam. Fenomena kegagalan itu tidak sahaja dipamerkan daripada kegagalan mendapat kuasa politik, tetapi juga oleh jurang cita-cita kebangkitan dan kemantapan sahsiah dan keupayaan individu serta keunggulan pemikiran, ilmu pengetahuan dan program bagi menjayakan cita-cita kebangkitan itu.<sup>52</sup> Sebagai contoh, fenomena ini dapat dilihat daripada perbincangan tentang negara Islam dan pemahaman terhadapnya serta jawapan-jawapan



spontan yang memperlihatkan keupayaan terbatas mereka dalam mengungkapkan kefahaman dan program bertindak ke arah kebangkitan Islam yang dicita-citakan.<sup>53</sup>

### **Islam Politik dan Pembentukan Negara Islam**

Penubuhan negara dan pemerintahan Islam adalah agenda utama Islam politik. Sebagaimana isu-isu lainnya, isu negara Islam sering menerima jawapan-jawapan spontan yang mengheret masyarakat ke lembah kekeliruan. Isu ini telah dikaburkan dengan jawapan-jawapan spontan para pemimpin politik dan sebahagian ulama yang terlibat dalam perjuangan politik kepartian yang mempunyai pengikfanatik, sehingga kefahaman yang mengelirukan tentang negara Islam itu diterima sebagai kebenaran dan dijadikan asas untuk mengambil pendirian dan melakukan tindakan yang tidak menggambarkan pendirian dan kehendak Islam sebenar. Tindakan melampau, tidak bijaksana dan yang mendorong perpecahan dan permusuhan sesama Islam adalah antara tindakan dan tingkah laku politik barbarik yang tidak menggambarkan ajaran Islam sebenar.

Dalam tulisan ini, beberapa persoalan tentang negara Islam dikemukakan, berasaskan perbincangan para ulama Islam muktamad. Huraian-huraian mereka tentang *Dar Islam*, *Dar Harb* dan *Dar Mu'ahad*, menjadi asas untuk menjelaskan kefahaman terhadap negara Islam dalam tulisan ini. Dengan cara ini, perbincangan tentang negara Islam dapat diungkapkan dengan lebih teliti berdasarkan tradisi keilmuan Islam yang terasnya ialah warisan ilmu yang kesinambungan dalam memahami yang tersurat dan tersirat daripada pengetahuan wahyu, meskipun pintu berijtihad terbuka luas.

Perbincangan dan penyebaran kefahaman tentang negara Islam yang tidak didasarkan ilmu, boleh mengakibatkan pembentukan minda masyarakat Melayu dan perwatakan yang tidak bertamadun. Hal ini kerana masyarakat bertamadun ialah penjelmaan daripada tahap keilmuan yang dimiliki oleh sesuatu bangsa. Sifat-sifat barbarik akan muncul jika penjelmaan sesuatu kefahaman itu dipengaruhi penghayatannya daripada perasaan dan keinginan naluri semata-mata. Justeru, negara Islam perlu difahami secara ilmiah, un-

memastikan kefahaman tentang Islam dalam masyarakat Melayu, menjadi tenaga penggerak ke arah menyemarakkan tamadun Melayu-Islam di negara ini.

### **Pembahagian Bumi kepada Benua dan Negara-negara**

Menurut al-Quran, langit dan bumi ditaskhirkkan untuk manusia yang dijadikan sebagai khalifah di bumi. Meskipun kegiatan manusia itu tidak terbatas di bumi, tetapi pusat kegiatan kekhalifahannya adalah di bumi. Antara tanggungjawab utama manusia ialah mengimarahkan bumi bagi mencapai tujuan ia diciptakan untuk beribadah kepada Allah s.w.t. Kekuatan utama manusia sehingga membolehkan ia melaksanakan fungsinya itu ialah keupayaan fitrahnya menerima, mengolah dan mengembangkan ilmu. Kekuatan tersebut tidak dimiliki oleh makhluk Allah s.w.t. yang lain. Dengan berbekalkan petunjuk Allah s.w.t. yang diberikan menerusi perutusan para rasul, manusia diberikan tanggungjawab besar untuk membina kehidupan bertamadun di bumi ini berdasarkan matlamat ia diciptakan untuk beribadah kepada-Nya. Bentuk dan corak tamadun yang akan dibangunkan semestinya, bersesuaian dengan sistem sebagaimana yang ditentukan dan sebagaimana yang terkandung dalam agama-Nya.

Fungsi manusia sebagai khalifah di bumi adalah universal. Pembahagian berlaku hanya apabila manusia yang dituntut menjalankan fungsinya itu mengikut petunjuk Allah s.w.t. Sebahagiannya tidak menerima petunjuk itu dan melaksanakannya mengikut akal atau nafsunya sahaja. Justeru, muncul negara atau empayar yang mencorakkan kehidupan dengan pelbagai acuan tamadun, dan mengimarahkan bumi dengan pelbagai acuan pembangunan. Ketika tamadun manusia di bumi dipengaruhi tamadun Islam, dunia dibahagikan kepada *Dar al-Islam* dan *Dar al-Kufr* (ia dibahagikan pula kepada *Dar al-Harb* dan *Dar al-'Ahd*). Kini, di bawah pengaruh tamadun Barat, bumi dibahagikan kepada negara maju, negara membangun dan negara mundur. Pembahagian lain ialah negara utara dan negara selatan. Ada pula

yang menyenaraikan negara-negara sedang membangun dan mund kepada negara-negara dunia ketiga.

Meskipun tamadun Islam telah runtuh dan tidak lagi berada tempat yang dapat menguasai natijah sejarah, namun tamadun belum boleh dianggap telah lenyap sebagaimana tamadun pur seperti tamadun Babylon, Firaun dan lain-lain. Islam dan umat lam kekal sebagai faktor yang yang mempengaruhi pergolak dunia.<sup>54</sup> Justeru, persoalan yang berkaitan dengan negara Isla terus relevan dan menjadi topik perbincangan hangat di kalangan masyarakat Islam, terutama di kalangan mereka yang berfikir haraki.

Negara Islam telah ditegakkan pada zaman Rasulullah s.a. dan mencapai kemuncak *mithali* pada zaman baginda. Ketika pemerintahnya ialah Rasulullah s.a.w. sendiri. Dengan kata la negara Islam pada ketika itu diperintah oleh sebaik-baik manu yang mempunyai pengetahuan dan kefahaman paling tepat terhad Islam. Pada ketika ini, syariat Islam dilaksanakan dengan sempur

Pada zaman Rasulullah s.a.w., negara Islam ditegakkan di a dua tonggak yang utama. Pertama, bersifat benda, iaitu terdiri darip rakyat, kuasa, dan iklim atau kawasan tanah yang tertentu. Ked bersifat kerohanian, iaitu kaedah dan hukum yang berkaitan deng akidah dan syariat yang ditentukan oleh Allah s.w.t. Tonggak ke ini berasingan daripada yang pertama. Bersama-sama deng tonggak pertama, tonggak ini merupakan binaan tersendiri yang sal berkait, yang dinamakan negara Islam.

Negara Islam pada zaman Nabi s.a.w adalah negara tersen kerana ia adalah negara al-Quran, yakni tunduk sepenuhnya kep ajaran al-Quran dalam menentukan dasar dan perjalan pemerintahannya. Al-Quran adalah sumber yang menjadi ruj kepada negara bagi menentukan segala prinsip yang umum a perjalanannya dan segala yang terperinci itu dibenarkan ur ditentukan dengan *ijtihad* dan kebijaksanaan Baginda s.a.w. y kekal menjadi sunnah dan rujukan generasi selepasnya.

Tetapi Allah s.w.t. telah menentukan beberapa perkembangan dan peristiwa kepada negara Islam ini setelah wafat Rasulu

s.a.w. Keadaan ini meletakkan negara itu dalam keadaan yang berbeza dengan keadaan pada zaman Rasulullah s.a.w. dan berubah bentuknya. Pada suatu ketika, bentuknya menghampiri keadaan dan bentuk *mithali*, sementara pada ketika yang lain menjauhi keadaan dan bentuk *mithali* itu. Justeru, negara Islam yang dipersetujui tidak berakhir dengan kewafatan Nabi s.a.w. sahaja, dan tidak hanya ditentukan dengan neraca yang terdapat pada baginda semata-mata. Jika diukur dengan neraca dan ciri-ciri yang terdapat pada zaman Rasulullah s.a.w. semata-mata, tidak ada lagi harapan untuk negara Islam ditegakkan dan negara itu berakhir dengan kewafatan baginda.

Negara Islam memasuki era baru setelah perbatasannya bertambah luas dengan kejayaan misi penaklukan. Negara ini, tidak hanya terbatas kepada Semenanjung Tanah Arab semata-mata. Ia menguasai bumi Iraq, Parsi, Syaria dan juga Mesir, iaitu kawasan di mana terdapat tamadun yang besar. Kepimpinan negara Islam berpindah ke tangan para sahabat yang menjadi pengikut setia Rasulullah s.a.w. yang mambantu baginda berjihad serta berpegang teguh kepada sunnah baginda. Negara Islam di tangan mereka kekal dalam keadaan negara contoh yang memiliki dua tonggak kekuatannya, *maddi* dan *ruhi*.

Bagaimana pun kepimpinan ini tidak sama dengan kepimpinan Rasulullah s.a.w. dan tidak maksum sebagaimana baginda. Sungguhpun begitu, mereka adalah golongan terpilih yang membentuk generasi al-Quran yang unik, yang mendapat tarbiah langsung daripada Rasulullah s.a.w. Iltizam mereka kepada *sunnah* Rasulullah s.a.w. begitu kukuh dan negara Islam berkembang dalam bentuk dan acuannya yang *mithali*.

Sistem pemerintahan Islam mengalami perubahan besar setelah berakhirnya zaman al-Khulafa' al-Rasyidun. Sistem warisan kepimpinan negara Islam diperkenalkan oleh Muawiyah dengan pelantikan anaknya, Yazid sebagai bakal penggantinya. Terbentuknya sistem beraja, meletakkan negara Islam dalam keadaan baru yang jauh berbeza dengan sistem yang dilaksanakan pada zaman Nabi

s.a.w. dan al-Khulafa' al-Rasyidun. Jika kita mengambil ciri-ciri negara Islam pada zaman Nabi s.a.w. dan al-Khulafa' al-Rasyidun keseluruhannya sebagai ukuran bagi mentakrifkan negara Islam tentunya kita tidak dapat memberikan sifat Islam kepada negara Islam era Muawiyah dan selepasnya, kerana lahirnya keadaan yang bertentangan dengan sistem Islam pada zaman Nabi s.a.w. dan al-Khulafa' al-Rasyidun. Tetapi tiada sesiapa pun yang dengan terang menafikan keperibadian Islam terhadap dunia Islam era tersebut.

Dunia Islam kian bertambah jauh dari negara *mithali* yang dibentuk oleh Rasulullah s.a.w. pada zaman-zaman yang berikutnya kecuali pada zaman pemerintahan Umar Abdul Aziz. Tetapi adalah dengan perubahan dari segi realiti itu, ciri-ciri Islamiahnya telah hilang, dan dunia Islam pada zaman berikutnya, tidak lagi layak diberikan sifat keislamannya?

### **Pandangan Ulama Terhadap Negara Islam**

Pada prinsipnya, negara Islam ialah bumi yang diperintah oleh khalifah yang berkuasa dan berdaulat di kawasan yang dikuasainya dan terlaksana di dalamnya dasar dan hukum Islam. Kawasan bumi atau daerah itu dikira sebagai negara Islam berasaskan sistem yang terlaksana di dalamnya. Ini berbeza dengan undang-undang antarabangsa, yang menentukan bahawa sesebuah negara terpisah daripada yang lainnya berdasarkan sempadan yang diiktiraf. Sesebuah kawasan berbeza dengan yang lainnya, berasaskan sempadan walaupun melaksanakan sistem yang sama. Namun dari sudut tamadun, negara-negara yang terpisah dengan sempadan itu adalah sama, jika sistem yang terlaksana itu ialah sistem yang sama dan masyarakatnya menganut budaya yang sama.

Dalam memberikan definisi negara Islam, beberapa ulama merujuk pengertian yang asal ini. Di antara mereka ialah al-Khulafa' yang berpendapat bahawa apa yang dikatakan negara Islam adalah negara kafir ialah kerana yang dominan di negara itu Islam adalah kafir. Yang menjadi ukuran kepada dominasi itu ialah hukum yang terlaksana. Jika yang dominan itu ialah hukum kafir, maka negara itu adalah negara kafir. Pemakaian perkataan kafir kepada negara

itu dikira sah. Bagitulah juga jadinya jika sesebuah negara itu dinamakan negara Islam. Tidak ada syarat lain, melainkan kerana pelaksanaan hukum Islam di dalamnya.<sup>55</sup> Pendapat yang sama dikemukakan oleh Abu Yusuf dan Muhammad. Menurut pendapat kedua-dua tokoh al-Hanafiyah ini, negara yang tidak tertegak syariat Allah s.w.t. bukanlah negara Islam, tetapi adalah negara kafir, walaupun rakyatnya beragama Islam.

Adalah jelas pandangan mereka merujuk kedudukan negara Islam *mithali*, tanpa mengambil kira peristiwa dan perkembangan yang berlaku selepas zaman Rasulullah s.a.w. dan al-Khulafa' al-Rasyidun yang telah membawa perubahan besar dari segi sistem dan lahir keadaan baru yang berlawanan dengan keadaan pada zaman Nabi s.a.w.. Di sini timbul persoalan, apakah negara Islam kehilangan keperibadian Islamnya dengan perubahan yang berlaku itu, yang menjauhi ciri-ciri Islam *mithali*, justeru beberapa ciri negara Islam pada zaman Rasulullah s.a.w. telah hilang daripadanya?

Ulama Islam berbeza pendapat tentang negara Islam dalam kedudukan dan statusnya yang telah berubah itu. Abu Yusuf dan Muhammad berpendapat bahawa negara Islam tidak kehilangan keperibadian Islamnya, melainkan dengan berlakunya dominasi hukum-hukum kafir, kerana dengan itu negara tersebut menjadi negara *harbi*. Hal ini kerana bumi itu dianggap bumi kita (Islam) atau mereka (kafir) berasaskan kekuatan dan kekuasaan. Setiap daerah bumi yang didominasi oleh hukum-hukum syirik, bermakna kekuatan dan penguasaannya berada di tangan orang Musyrikin. Dengan demikian negara itu menjadi negara *harbi*. Begitulah jika daerah bumi itu yang didominasi oleh hukum-hukum Islam, maka kekuatan dan penguasaannya berada di tangan orang Islam.<sup>56</sup>

Imam Abu Yusuf dan Imam Muhammad memberikan tumpuan kepada kekuatan dan kuasa yang dimiliki oleh orang Islam atau orang kafir dalam menentukan sesebuah negara itu sebagai negara Islam atau kafir. Ukuran terhadap kekuatan dan kekuasaan itu ialah pelaksanaan hukum dan dominasi hukum di dalamnya.

Apakah pelaksanaan hukum itu menjadi satu-satunya ukuran bagi menentukan kekuatan dan kekuasaan orang Islam? Jawapannya

tidak! Imam Abu Hanifah mempunyai pandangan yang lain tentang kesahihan penggunaan istilah Islam atau kafir kepada sesebuah negara Islam. Al-Kasani menyebut Imam Abu Hanifah sebagai berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan penggunaan nama Islam atau kufur kepada sesebuah negara itu bukan kerana dirikan Islam atau kufur itu sendiri. Tetapi yang dimaksudkan ialah dengan keadaan yang aman atau ketakutan. Maksudnya, jika keamanan itu dimiliki oleh orang Islam secara mutlak dan ketakutan itu kepada orang kafir, maka negara itu ialah negara Islam. Jika orang kafir yang berasa aman dan orang Islam dalam ketakutan, maka negara itu ialah negara kafir secara mutlak. Penentuan itu dibuat berasaskan keamanan dan ketakutan, dan bukan kepada Islam atau kufur itu sendiri.<sup>57</sup>

Asas yang membezakan negara Islam dengan negara kafir menurut Abu Yusuf dan Muhammad ialah dominan hukum-hukum Islam atau kafir yang menjadi tanda kekuatan dan kekuasaan orang Islam atau kafir. Bagi Imam Abu Hanifah ialah keamanan dan ketakutan. Baginya, sesebuah negara tidak boleh dianggap negara *harbi* semata-mata kerana tidak berjalan hukum Islam atau dibatalkan pelaksanaan hukum Islam, bahkan mesti diambil kira bersama, hilangnya keamanan untuk orang Islam. Menurut al-Sarkhasi, apa yang dapat disimpulkan daripada pandangan Imam Abu Hanifah ialah bahawa sesebuah negara itu menjadi negara *harbi* apabila memenuhi tiga syarat. Pertama, ia bersempadan secara langsung dengan negara syirik yang tidak dipisahkan antara kedua-duanya dengan negara Islam yang lain. Kedua, tiada lagi keamanan untuk orang Islam dan orang *zimmi* dengan syarat keamanan mereka. Ketiga, apabila hukum-hukum syirik itu menjaat hukum yang dominan.<sup>58</sup>

Jika yang menjadi asas bagi menentukan sesebuah negara itu Islam atau kafir dilihat dari segi kekuatan dan kekuasaan, maka Abdul Qahir al-Baghdadi berpendapat bahawa sesuatu kawasan bumi yang penduduknya redha dan menerima Islam tanpa halangan dan sekatan dan pihak berkuasa Islam yang berkuasa ke atas orang-orang *zimmi* di dalamnya, maka negara itu adalah negara

Islam<sup>59</sup> yakni, tidak terikat dengan pelaksanaan hukum Islam. Hal ini kerana kuasa dan kekuatan itu tidak bergantung pada dominasi hukum semata-mata. Ia juga bergantung kepada faktor lain seperti keupayaan menguasai urusan politik dan penguasaan orang Islam ke atas orang *zimmi* dengan kekuatan tentera.

Menurut pendapat sesetengah ulama Syafi'iyah, sesuatu kawasan atau negara yang diperintah mengikut hukum Islam dan hukum Islam kekal di dalamnya beberapa ketika, maka negara itu ialah negara Islam, walaupun hukum-hukum Islam digugurkan selepas itu. Apa jua hukum yang berjalan selepas itu dianggap sebagai hukum yang dipaksakan dan wajib ke atas umat Islam mengembalikan hukum Islam yang telah dirampas daripadanya itu.<sup>60</sup> Al-Bujairami berkata bahawa negara Islam ialah negara yang diduduki oleh orang Islam, walaupun di dalamnya terdapat orang *zimmi* atau negara yang dibuka oleh orang Islam dan diserahkan kepada orang kafir untuk mentadbirnya atau orang Islam menduduki negara itu dan diundurkannya kemudiannya oleh orang kafir.<sup>61</sup>

Adakah bumi Islam yang ditawan oleh negara kafir atau orang kafir menjadi negara kafir dan hilang statusnya sebagai negara Islam? Masalah ini ditangani oleh Imam al-Asbijabi setelah berlaku penaklukan Tartar ke atas beberapa bahagian negara Islam, termasuk kota Baghdad. Menurut beliau, bahagian yang diduduki oleh Tartar itu kekal sebagai sebahagian negara Islam. Hal ini kerana bahagian itu tidak bersempadan dengan negara kafir yang menaklukinya, dan kerana hukum-hukum kafir tidak dominan di dalamnya, sehingga para hakim masih lagi terdiri daripada orang Islam. Beliau berkata:

Telah diputuskan bahawa kekalnya sebahagian sebagai daripada *illah*, adalah dengan itu, mengekalkan hukum. Kita telah pun pasti bahawa bahagian yang ditakluki adalah negara Islam. setelah ia ditakluki, syiar-syiar Islam seperti azan, sembahyang Jumaat dan jamaah dan lain-lain terus berjalan, maka ia kekal sebagai negara Islam.<sup>62</sup>



Masalah ini turut ditangani oleh Imam al-Helwani yang berpendapat bahawa negara Islam akan bertukar menjadi negara kafir jika penguatkuasaan hukum kafir berlaku dan hukum Islam tidak terlaksana di dalamnya walaupun sebahagian, dan ia bersempadan dengan negara kafir serta orang Islam dan *zimmi* tidak berasa aman dan keamanan yang dinikmati orang Islam dengan kemaraan syarak yang disabitkan dengan iman atau perjanjian *zimmah*. Apabila terdapat semua syarat ini, maka jadilah negara itu negara *harbi*. Tanpa dalil atau syarat-syarat berkenaan, ia kekal sebagaimana keadaan awalnya atau sebagai penjagaan, dan ia dihukum sebagai negara Islam. Tidakkah kita lihat dengan pandangan secara ijtimak bahawa negara *harbi* itu terus menjadi negara Islam dengan hanya terlaksananya hukum-hukum Islam?<sup>63</sup>

Abdul Karim Zaidan, ketika mengulas pandangan ini berkata bahawa kesimpulan yang dapat dibuat daripada pandangan Imam al-Asbjabi dan Imam al-Helwani ialah bahawa negara Islam tidak menjadi negara kafir dengan hanya penaklukan negara kafir ke atasnya, selagi berkuat kuasa di dalamnya sebahagian hukum Islam. Nampaknya pendapat kedua-dua imam ini *rajih*, yakni yang lebih kuat untuk diterima berdasarkan hujah yang dikemukakan oleh mereka. Berdasarkan pendapat ini, sebahagian negara orang Islam yang terpaksa tunduk kepada penguasaan asing dikira kekal sebagai negara Islam kerana terlaksana di dalamnya sebahagian hukum peribadi dan juga kerana beberapa syiar Islam dominan di dalamnya.<sup>64</sup>

Jika negara Islam yang ditawan oleh negara kafir tidak menjadi negara kafir selagi di dalamnya berjalan sebahagian hukum Islam maka negara Islam yang telah dikembalikan semula kepada orang Islam setelah tercapainya kemerdekaan dan diperintah oleh orang Islam yang berusaha mengembalikan dominasi syiar Islam dan sistemnya serta berusaha mengeluarkan masyarakat Islam daripada kemunduran dan kejahilan, lebih-lebih lagi boleh diterima sebagai negara Islam.

Apa yang dapat disimpulkan daripada pandangan para ulama mazhab *al-Hanabilah*, *al-Hanafiyah* dan *al-Syafiyyah* in

menunjukkan dengan jelas betapa palsuanya *syatahat* sebahagian kalangan orang politik di negara ini yang berpendapat bahawa negara Islam ialah negara yang berjalan sepenuhnya hukum Islam. Penguatkuasaan sebahagian hukum Islam adalah sama dengan beriman kepada sebahagian ajaran al-Kitab dan ingkar kepada sebahagian yang lainnya. Nampaknya ahli-ahli politik yang berpendapat demikian telah dipengaruhi pegangan Khawarij yang menafikan adanya iman tanpa amal atau menafikan iman dengan melakukan maksiat.

Bagi menggarap perbincangan itu secara jelas, kita wajar melihatnya dari perspektif perundangan dan kebudayaan negara Islam itu. Dari sudut perundangan, negara Islam yang dijajah oleh negara bukan Islam itu kekal sebagai negara Islam dengan statusnya sebagai negara Islam *de jure*. Ia kekal menjadi milik Islam dan umatnya. Bagaimanapun, ia bukan lagi negara Islam *de facto*, kerana orang Islam tidak lagi berkuasa ke atasnya. Justeru, para ulama dalam perbincangan mereka, telah menekankan aspek kekuatan dan kekuasaan ini dalam menentukan sesebuah negara itu sebagai Islam atau kafir. Namun kedudukannya sebagai negara Islam *de jure* tetap diakui dan dipertahankan oleh mereka. Ia kekal menjadi milik Islam walaupun telah dijajah dan umat Islam bertanggungjawab mengembalikan kedaulatan mereka terhadap negara itu.

Dilihat dari sudut budaya, para ulama kita melihat negara Islam itu dari kedudukannya yang *mithali* dan kedudukannya yang lebih rendah daripada kedudukannya yang *mithali* itu dalam realiti sejarahnya. Sementara mereka tidak mempersoalkan pentingnya negara Islam *mithali* itu dijadikan contoh, namun mereka menyedari bahawa kedudukan itu tidak mudah diulangi oleh umat Islam. Justeru, kedudukannya yang *mithali* itu tidak dijadikan mereka syarat utama bagi menentukan sesebuah negara itu Islam atau bukan Islam. Jika kedudukan *mithali* itu dijadikan syarat, tidak akan ada lagi negara Islam setelah berakhirnya zaman al-Khulafa' al-Rasyidun. Negara-negara orang Islam selepas zaman itu, tidak lagi boleh dianggap

sebagai negara Islam disebabkan ciri-cirinya yang tidak menepati negara Islam tersebut.

Mereka menjadikan kedudukan orang Islam dari segi kekuatan dan kekuasaan, yakni dari segi perundangan sebagai asas bagi menentukan sesebuah negara itu Islam atau kafir. Namun mereka tetap mempertahankan hak Islam dari segi perundangan, walaupun telah hilang kuasa dan kekuatan dengan meletakkan status negara Islam yang dijajah sebagai negara Islam *de jure*.

Dalam proses pendakwahan di negara kita, perbincangan para ulama tentang status negara Islam ini tidak digarap sewajarnya. Dengan itu pandangan-pandangan spontan telah menguasai minda masyarakat sehingga mereka berhadapan dengan kekeliruan. Tanggungjawab mereka bekerjasama bagi mengisi pembangunan supaya terus melonjak ke arah negara Islam *mithali*, bertukar menjadi penentangan dan tindakan-tindakan politik dan sosial yang barbarik, yang mengumpulkan kembali unsur yang dahulunya mengakibatkan runtuhnya tamadun Islam. Unsur-unsur perpecahan *takfir*, dan fanatisme kian melebar dalam masyarakat Islam dan kian membawa kelemahannya.

Menggarap pemahaman sesuatu persoalan dan perbincangan terhadapnya serta memahami realitinya secara jelas adalah penting dalam setiap langkah dan pendakwahan yang bijaksana. Sepernahnya dalam memahami isu negara Islam, kesan pemahaman ini kepada kelakuan dan tingkah laku dakwah adalah besar dan corak serta bentuk tindakan yang berpunca daripada kefahaman yang dibentuk juga memberikan kesan kepada kedudukan umat dan kepada negara yang dikuasai mereka. Keadaan ini boleh melemahkan dan menghapuskan kedaulatan serta kekuasaan ummat Islam itu sendiri.

### **Kesimpulan**

Pendakwahan di negara ini memerlukan pemantauan semula supaya dapat diperhatikan dengan lebih bijaksana. Pemerhatian yang bijaksananya ini melibatkan rombakan fikrah, strategi, pendekatan dan organisasi. Kita harus melihat bahawa organisasi dan institusi

negara yang diperintah oleh orang Islam yang mempunyai kesediaan untuk pembangunan Islam itu sebagai kekuatan dan potensi Islam. Ia adalah organisasi paling ampuh untuk dimanfaatkan tanpa mengira orang Islam daripada parti dan golongan mana yang menguasainya, asalkan daripada kalangan *Ahlu al-Sunnah wa l-Jama'ah*. Organisasi-organisasi lain di bawahnya harus menjadi pelengkap, pembina dan pembantu kepada negara itu sendiri. Tindakan menentang negara yang dikuasai oleh orang Islam dan mencari alasan untuk menentangnya, dengan melebelkannya sebagai negara kafir, sekular dan sebagainya, adalah tidak bijak dan tidak membawa bentuk pendakwahan yang bertamadun.

Pendakwahan perlu memahami keperluan realiti. Dengan peningkatan kesedaran Islam dan kefahaman mereka bahawa Islam adalah cara hidup, masyarakat Islam kini tidak boleh dianggap masyarakat jahiliah. Sentimen mereka terhadap Islam harus dimanfaatkan untuk pembangunan Islam. Keperluan realiti sebenarnya ialah kepada sistem kehidupan yang mempunyai kaedah dan cara yang jelas untuk dihayati. Justeru, ucapan retorik, tidak lagi mampu menangani kesedaran itu. Bahkan ia banyak menimbulkan kekeliruan dan memberikan kesan ke arah pembentukan kelakuan yang barbarik, apabila ucapan dan pendakwahan retorik itu, diluahkan secara spontan dan mengikut perasaan, apa lagi peranan yang dicituskan oleh fanatisme kepartian yang tidak dihasilkan daripada penelitian ilmiah.

Bagi menghasilkan sistem-sistem Islam yang dapat memenuhi keperluan penghayatan Islam dalam pelbagai bidang dan tuntutan dakwah masa ini, penyelidikan bagi pembinaan sistem-sistem Islam adalah penting. Peningkatan dalam usaha penyelidikan beragenda dan berstrategik adalah keutamaan dalam pergerakan pendakwahan yang menuju pembinaan tamadun di negara ini khasnya, dan di rantau ini umumnya.

Penyelidikan juga perlu untuk membina fikrah perjuangan yang lebih kukuh dan bersih daripada kekeliruan, bidaah dan khurafat akibat salah pengertian terhadap Islam dan pemikiran

haraki yang mempengaruhi pergerakan dakwah kini. Di samping itu, penyelidikan fikrah ini perlu terus diperdalam dan diperluas sehingga pergerakan dakwah dapat menghindarkan diri daripada fanatisme kepada pemikiran tokoh-tokoh yang mengasaskan pergerakan awal. Ketaksuban ini menyebabkan berlakunya kejumudan dalam pergerakan dakwah.

Penyelidikan yang berterusan akan dapat melihat dengan lebih jelas keperluan-keperluan pemikiran baru bagi menangani realiti dan perubahan semasa yang menjadikan pergerakan dakwah itu sentiasa muda dan relevan dan terus menjadi penggerak utama perubahan masyarakat ke arah matlamat yang jelas dan tidak dilindungi *ghabasy fikri* yang merupakan kabus tebal yang mengelirukan pandangan pemikiran.

### Nota

- 1 Walaupun kumpulan Islah yang lebih dikenali sebagai Kaum Muda itu banyak membincangkan isu politik dan masyarakat, menyentuh pelbagai perkara yang melibatkan kemerdekaan negara, kemiskinan dan kejahilan, namun isu-isu ibadat khusus menjadi dominan dalam perbincangan antara Kaum Tua dengan Kaum Muda, di samping kesedaran tentang kemerdekaan yang lebih dikaitkan dengan kebangkitan nasionalisme Melayu.
- 2 Lih. Abdul Halim Abu Syuqah, *Tahriru l-Marah Fi Asri l-Risalah Juzu 1*, Kuwait: Daru l-Qalam, 1991.
- 3 Lih. Muhamad Imarah, *Al-Sohwatu l-Islamiyyah Wa l-Tahaddi l-Hadari*, Al-Kaherah: Daru l-Mustaqbal l-'Arabi, 1985, hlm. 25.
- 4 Lih. Hassan al-Banna, *Risalah Mu'tamari l-Khamis*, dlm. *Majmu'atu l-Rasail*, hlm. 154-155.
- 5 Muhamad Imarah, *Op. cit.*, hlm. 55-56.
- 6 Al-Banna, *Risalatul-Ta'lim*, dlm. *Majmu'atu l-Rasail*, hlm. 271.
- 7 Lih. Al-Banna, *Da'watuna Fi Thauri Jadid*, dlm. *Majmu'atu l-Rasail*, hlm. 120-121.
- 8 Al-Banna, *Da'watuna Fi Thauri, Jadid*, dlm. *Majmu'atu l-Rasail*, hlm. 22.
- 9 Al-Banna, *Ila Aiyi Sya'i Nad'u*, dlm. *Ibid.*, hlm. 49.
- 10 Al-Banna, *Da'watuna*, dlm. *Ibid.*, hlm. 17.
- 11 Al-Banna, *Nahwa l-Nur*, dlm. *Ibid.*, hlm. 62-63.
- 12 Al-Banna, *Risalatul-Mu'tamari l-Khamis*, dlm. *Ibid.*, hlm. 176-178.
- 13 Al-Banna, *Da'watuna Fi Thauri n-Jadid*, dlm. *Ibid.*, hlm. 120.
- 14 Lih. Al-Maududi, *Al-Hukumatu l-Islamiyyah*. Terj. Ahmad Idris, Al-Kaherah, 1977, hlm. 113; 155; *Al-Ummatu l-Islamiyyah Wa Qadhiyyatu l-Qaumiyyah*. Terj. Samir Abdul Hamid Ibrahim. Kaherah, 1981, hlm. 130; dan *Mujazu Tarikhi Tajdidi l-Din Wa Ehyaa'ih*. Terj. Mohd. Khadim Sibaq, Kaherah, 1975, hlm. 39; 63.
- 15 Al-Maududi, *Al-Hukumatu l-Islamiyyah*, hlm. 13.
- 16 Lih. Samir Abdul Hamid Ibrahim, *Abu l-A'ala Al-Maududi, Fikruhu Wa da'watuh*, Al-Kaherah, 1979, hlm. 83.
- 17 Mohd. Imarah, *Op. cit.*, hlm. 96.
- 18 Al-Maududi, *Al-Hukumatu l-Islamiyyah*, hlm. 14.
- 19 Al-Maududi, *Al-Qanunu l-Islami Wa Thuruqu Tanfizhi Fi Bakistan*. Terj. 'Asim Haddad, dlm. *Nadzariyyatu l-Islam Wa Hadyuhu Fi Styasati Wa l-Qanun*, Beirut, 1975, hlm. 168-169.

- 20 Lih. Al-Maududi, *Waqi' u l-Muslimin Wa Sabilu l-Nuhudh Bi Him*  
Terj. Mohd. 'Asim Al-Haddad, Beirut, 1975, hlm. 168-169.
- 21 *Ibid.*, hlm. 169.
- 22 Mohd. Imarah, *Op. cit.*, hlm. 115.
- 23 Al-Maududi, *Islam Wa l-Madaniyyahtu l-Hadithah*, Kaherah,  
1978, hlm. 41-42.
- 24 Mohd. Imarah, *Op. cit.*, hlm. 118.
- 25 *Ibid.*
- 26 *Ibid.*, hlm. 118-119.
- 27 Al-Maidudi, *Al-Islam Wa l-Madaniyyahtu l-Hadithah*, hlm. 1.
- 14.
- 28 Lih. Mohd. Imarah, *Op. cit.*, hlm. 133.
- 29 Lih. Al-Maududi, *Al-Muslimun Wa l-Shira' u al-Siyasi l-Rahi*  
Terj. Samir Abdul Hamid Ibrahim, Kaherah, 1981, hlm. 68.
- 30 Al-Maududi, *Mujaz Tarikhi Tajdidi l-Din Wa Ehyaaah*, hlm. 4  
44; 47-48; dan 121.
- 31 *Ibid.*, hlm. 43.
- 32 Lih. Sayyid Qutb, *Ma' alim Fi l-Tariq*, Kaherah: Dar al-Syuru  
1980, hlm. 29.
- 33 *Ibid.*, hlm. 53.
- 34 *Ibid.*, hlm. 136.
- 35 *Ibid.*, hlm. 106-107.
- 36 *Ibid.*, hlm. 105.
- 37 *Ibid.*
- 38 *Ibid.*, hlm. 101.
- 39 Al-Banna, *Da' watuna Fi Thaurin Jadid*, dlm. *Majmu' atul*  
*Rasail*, hlm. 120-121.
- 40 Lih. Al-Maududi, *Mujazu Tarikhi Tajdidi l-Din Wa Ehyaa*  
hlm. 41-42.
- 41 Lih. Sayyid Qutb, *Loc. cit.*
- 42 *Ibid.*, hlm. 8, 39.
- 43 *Ibid.*, hlm. 173.
- 44 *Ibid.*, hlm. 17.
- 45 *Ibid.*, hlm. 17, 19, 21.
- 46 *Ibid.*, hlm. 55-56.
- 47 *Ibid.*, hlm. 167.
- 48 *Ibid.*, hlm. 58.
- 49 Olivier Roy, *The Failure of Political Islam*, Terj. Carol Volk, L.  
don, 1994, hlm. 24.

50 Lih. Kalim Siddiqui, *Issues in the Islamic Movement 1981-1982 (1401-1402)*, London: The Open Press, 1983, hlm.277.

51 Lih Olivier Roy, *Op. cit.*

52 Jika tidak kerana untuk meringkaskan tulisan ini, kenyataan ini boleh diperincikan lagi. Pelbagai kumpulan Islam politik mengalami kegagalan yang berpunca daripada jurang yang disebutkan.

53 Contoh ini dilihat dalam konteks perbincangan tentang negara Islam di Malaysia.

54 Beberapa penulis dan penganalisis Barat, seperti E Huntington dan lain-lain mengakui pentingnya peranan dunia Islam dan tamadunnya dalam menentukan masa hadapan politik dunia.

55 Al-Kasani, *Badai' u l-Sona'ie*, Juzu' 5, Matba'ah al-Imam, hlm. 4375.

56 Lih. Al-Sarkhasi Al-Mabsut, Juzu' 10, Dar al-Ma'arif, hlm. 114.

57 Al-Kasani, *Op. cit.*

58 Al-Sarkhasi, *Op. cit.*

59 Abdul Qahir al-Baghdadi, *Usuluddin*, hlm. 270.

60 Lih. *Wahbah al-Zuhaili Athar l-Harbi Fi Fiqhi l-Islami*, Matba'ah Daru l-Fikr, hlm. 169.

61 Al-Bujairami, *Hasyiah al-Bujairami 'Ala l-Khatib*, Juzu' 4, Daru l-Fikr, 1981, hlm. 220.

62 Lih. Abdul Karim Zaidan, *Ahkam al-Zimmiyyin Wa l-Msta'minin Fi Dar-Islam*.

63 *Ibid.*

64 *Ibid.*



## Bab II

# WAGAS ISLAM, WARISAN MELAYU DAN *WELTANSCHAUUNG* MALAYSIA

*Mohamad Abu Bakar*

Perkembangan sesebuah masyarakat dan negara umumnya ditentukan oleh acuan sejarah dan budayanya. Faktor-faktor masa lepas dan kini sentiasa berinteraksi dalam persekitarannya. Kadangkala, nilai-nilai warisan lalu berkedudukan strategik sekali dalam mencorakkan dan mendefinisikan evolusi masyarakat dan negara, sambil menghalanya kepada suatu masa depan tertentu. Malaysia tidak terlepas daripada arus perubahan seperti ini, yang memuatkan pelbagai pengaruh peribumi, yang terpunggal dari zaman ke zaman. Sebagai sebuah negara yang beraksi di pentas antarabangsa semasa, ia sebenarnya merupakan sebuah entiti yang berbekalkan wagas – wawasan dan gagasan – yang sedia terbentuk itu, kerana tanpa wagas ini, ia tidak akan mempunyai ketahanan dalam mengharungi dan menangani cabaran kemerdekaan dan kesejagatan. Wagas Islam yang tersalur menerusi warisan Melayu dan kemudiannya bertindak sebagai pemugar kepada *weltanschauung* Malaysia, ternyata begitu berperanan dalam konteks kehadiran dan kejayaan negara hingga kini.

### **Wagas Islam: Konsep dan Kerangka Kehidupan**

Wagas Islam sudah pun lama terbina dalam peribadi dan persekitaran orang Melayu, dan terjelma dalam perhubungannya dengan dunia luar dan bangsa lain. Dari semasa ke semasa, wagas yang berpaksikan akidah Islamiyyah ini telah membantu dan membolehkan manusia Melayu memiliki identitinya tersendiri, menggarap dan mengolah nilai-nilai kemelayuan yang diwarisi dari zaman pra-Islam, dan mempengaruhi serta mencorakkan *weltanschauung* Malaysia.

Wagas Islam bukanlah wagas kehidupan pertama yang berpontensi, kerana sebelum kedatangan agama itu, kepercayaan dan cara hidup lain telah sedia mendahuluinya. Namun begitu, wagas Islam yang telah bertapak bukan sekadar melewati batas-batas wagas sebelumnya, dari segi ruang lingkup, tetapi juga terus berperanan hingga sekarang, dengan potensinya untuk berkembang dengan lebih jauh. Dari segi interaksi peradaban, hakikat ini menjelaskan perhubungannya yang berterusan dengan kebudayaan lain, termasuk kebudayaan pra-Islam, dan kedudukan dominannya yang membolehkannya bertindak sedemikian rupa. Dari sudut yang lain, realiti ini menunjukkan keupayaannya meneruskan kehadiran fahaman dan cara hidup bukan-Islam dalam suatu kerangka yang agak kukuh, tanpa mengetepikan konsep Islam yang asas.

Islam yang terdampar di Alam Melayu beberapa abad yang lalu adalah suatu agama yang memiliki kepercayaan dan ritus-ritus tersendiri. Tanpa menafikan penglibatannya yang mendalam dan meluas, ia bukanlah suatu wawasan dan gagasan yang besar dan pelbagai dimensi, kecuali setelah ia berhubung dalam persekitaran barunya. Islam sebagai cara hidup dan suatu keseluruhan menjadi suatu realiti sosial apabila ia berdepan dengan cabaran sekeliling, sama ada oleh dinamisme kemasyarakatan, atau asakan kolonialisme-imperialisme, atau kemajuan metarial kaum imigran, atau pembangunan *ummah* sendiri dengan segala dilema yang dihadapinya. Wagas Islam mengalami transformasi sebagai konsep dan kerangka akibat pertembungan ini. Alam Melayu adalah pengaruh kekal yang banyak menyumbang kepada kekuatannya.

Penyusupan nilai Islam dan penyesuaiannya dalam tubuh masyarakat Melayu telah menjadikan orang Melayu berjiwa besar dalam kehidupan berjiran, berjemaah dan bersaudara. Inilah yang membezakannya dengan keturunan Melayu yang telah memilih kepercayaan dan agama lain, seperti di Filipina, yang tentunya menganut *ethos* kehidupan yang tidak sama dengan masyarakat Melayu di Malaysia.

Sesungguhnya, wagas Islam telah menjadi mantap akibat penerapan nilai kemelayuan. Gabungan Melayu-Islam bukan

sekadar telah membentuk sempadan akidah dan batasan budaya, tetapi telah juga menjadikan orang Melayu suatu kaum yang toleran, yang berkesanggupan untuk menerima kumpulan dan golongan etnik lain. Pada tahun-tahun 70 dan 80-an, penorjolan Islam sebagai agama sejagat, sebagai rahmat kepada seluruh sekian alam, termasuk bukan-Melayu, dan sebagai agama yang menganjurkan persamaan sesama manusia, menjadi salah satu teras dalam kebangkitan semula Islam. Perhubungan sesama Islam tertegak atas dasar akidah, sementara perhubungan dengan bukan-Islam terbentuk atas dasar keadilan dan kemanusiaan.

Perkembangan Islam semasa, dengan segala bentuk sumbangan dan suntikan yang telah diterimanya, menjanjikan kejayaan yang lebih besar untuk wagas Islam, seandainya difahami berdasarkan sejarah pencapaian lepasnya, dan keperluan semasa lanjutan regionalisme dan globalisme yang semakin mencengkam masyarakat dan negara. Setakat ini, penginstitutasiannya masih jauh daripada mencukupi bagi menangani cabaran dan cubaan dari pelbagai penjuru. Penjejasan wagas Islam, atau pemusnahannya dalam konteks pembinaan negara (*nation building*) yang semakin berpandukan demokrasi-liberal, berpedomankan kapitalisme Barat, dan berpautkan hedonisme, bukan sahaja merosakkan dan meruntuhkan jati diri Melayu, tetapi juga akan menghakis dan menghancurkan kerangka bernegara dan bermasyarakat yang selama ini telah memberikan kejayaan dan kehidupan kepada semua bangsa.

### **Warisan Melayu: Wajah dan Wasilah**

Warisan Melayu sesungguhnya telah mendahului wawasan dan gagasan Islam di Alam Melayu, tetapi warisan Melayu memperoleh kelangsungan dan kekayaan daripada wagas Islam, apabila agama itu mendominasi kehidupan. Islam telah menyelamatkan nilai-nilai positif orang Melayu, sambil membersihkan kehidupan batiniah dan lahiriahnya, dan menyediakannya untuk berdepan dengan dunia luar, termasuk dalam era globalisasi. Penerusan nilai-nilai lama

dalam konsep dan kehidupan Islam ini adalah suatu dimensi Islam, sebagaimana pengekalan nilai-nilai Arab yang diterima dan disahkan sebagai kehidupan Islam selepas agama itu tersebar. Ringkasnya, wagas Islam ini berfungsi sambil mengukuhkan beberapa sentimen kemelayuan, seperti kesetiaan kepada tanah air, suatu warisan yang tidak bercanggah dengan ajaran agama. Pengislaman merupakan kontinuiti sejarah yang telah bertindak sebagai kerangka beroperasi, yang begitu berjaya menguruskan kehidupan Melayu. Garisan budaya atau *cultural continuum* ini menetapkan gaya dan cara yang hingga kini memastikan kelangsungan masyarakat dan negara.

Warisan Melayu meliputi Alam Melayu yang telah diinstitusikan dalam kehidupan mereka sebagai kepunyaan mereka. Begitulah juga seterusnya dengan kebudayaan Melayu, yang mencakupi bahasa Melayu -- ia merupakan suatu keseluruhan yang diwarisi, yang hidup dalam kesedaran mereka, dan terjelma dalam bentuk ketaatan kepada raja-raja, adat-istiadat dan sebagainya. Sehubungan ini ialah realiti ketuanan Melayu yang pernah berpaksi pada kesultanan Melayu dan kenegerian Melayu.

Ketuanan politik Melayu ini bukan sahaja berfungsi sebagai kerangka kepada penyaluran dan penghayatan sejarah dan tradisi Melayu, tetapi juga sebagai suatu keadaan yang mengizinkan bukan-Melayu meneruskan kehidupan di bawah *The Malay Sun*. Ertinya, ia turut menyalut adat resam dan budi bahasa yang membolehkan orang Melayu mengamalkan sikap keterbukaan terhadap kaum-kaum lain.

Pada masa yang sama, pewarisan kemelayuan ini menerima pengukuhan apabila Islam diserap menjadi sebahagian daripada sempadan bangsa, etnik dan benteng pertahanan. Apabila orang Melayu menjadikan dirinya *custodian* kepada perkembangan agama itu, serta bertanggungjawab kepada kemajuannya di rantau ini, mereka juga telah mengukuhkan identiti kemelayuannya. Amat sukar untuk menentukan di mana berakhirnya Melayu dan bermulanya Islam. Penempatan istilah "Melayu" dalam Perlembagaan dengan konotasi keislamannya, terhasil daripada

wagas Islam. Begitulah juga dengan penyerapan imigran dari Indonesia dan Selatan Thai, dan D.K.A. dan D.K.K dalam arus besar bangsa Melayu. Dalam keadaan Islam diterima sebagai suatu dimensi kemelayuan, dan dalam keadaan Islam dan Melayu sering disinonimkan dalam konteks tempatan, agama sering menjadi mekanisme untuk mempertahankan orang Melayu dan menyatupadukan mereka dalam suasana kini.

Warisan kemelayuan yang telah turut tercabar oleh perubahan masa dan peredaran zaman, memerlukan sokongan wagas Islam untuk kekal dan kelihatan relevan dalam proses pembinaan negara-bangsa. Secara khusus, pencapaian Melayu dari segi sosioekonomi telah membuatnya kurang sensitif terhadap idea perkauman manakala kelahiran dan kehadiran bukan-Melayu generasi kedua dan ketiga menyebabkan mereka sukar mempertahankan keperibumiannya. Wagas Islam yang mampu bertindak sebagai ideologi pengurus lebih-lebih lagi diperlukan dalam persekitaran hari ini, ketika mana isu penjajahan, persoalan pengisian kemerdekaan dan cabaran penubuhan negara-bangsa, semakin ditenggelami oleh regionalisme dan globalisme. Wagas Islam yang pernah menandingi kapitalisme dan komunisme adalah jawapan kepada masalah identiti dan destinasi yang berbangkit ekoran pensejagatan Barat pasca Perang Dingin.

### ***Weltanschauung* Malaysia: Islam Melayu dan Wawasan Masa Depan**

Malaysia hari ini adalah warisan sejarah; suatu gubahan yang terbentuk dalam wagas Islam dan terbina oleh warisan Melayu. *World view* Malaysia yang terserlah, sama ada yang terungka oleh orang Islam, atau yang dipamerkan oleh bukan-Islam, mengandungi elemen-elemen masa lalu itu. Pertalian dan hubungan ini perlu dipertahankan untuk kepentingan kebudayaan peribumi dan pendatang; wagas Islam dan warisan Melayu adalah *sine qua non* dalam pemugaran *weltanschauung* Malaysia, kerana ia adalah teras dan tema yang mampu menjayakan Malaysia yang beridentitikan sendiri.

Wagas Islam yang sepatutnya bertindak sebagai suatu doktrin yang memuatkan unsur-unsur pilihan dari masa lalu, mengandungi nilai-nilai universal dan semasa, serta bersifat positif, dan sentiasa relevan, memerlukan suatu sistem sokongan yang berterusan. Suatu *re-invention* terhadap Islam tidak dituntut sehubungan ini. Apa yang diperlukan ialah keupayaan wagas Islam berperanan dalam persekitaran yang berubah-ubah. Wagas Islam seharusnya berfungsi di semua peringkat kehidupan, termasuk di kawasan bandar, yang bergayutan dalam dunia antarabangsa. Kota yang biasanya bertindak sebagai penjurong dan pinggirannya kepada kosmopolitanisme Barat sepatutnya berwajah tempatan, dengan muatan warisan tradisional, termasuk dalam seni binanya. Kampung yang semakin kehilangan fungsi kekampungannya akibat globalisasi juga perlu diselamatkan menerusi pemugaran dan pemerkasaan *weltanschauung* Malaysia ini. Kampung tidak seharusnya sekadar beraksi sebagai benteng pertahanan terakhir, tetapi juga berfungsi sebagai bekalan kepada nilai-nilai universal Islam dan tradisional Melayu, sambil memastikan bandar menerima sumbangan dan suntikan budaya, menerusi perhubungan dan penghijrahan.

Bagi membolehkan wagas Islam berfungsi secara berkesan dan berpanjangan dalam menaungi dan menunjangi *weltanschauung* Malaysia, ia seharusnya bertindak sebagai suatu kerangka yang kukuh, yang dimajukan dengan keilmuan, dan diaplikasikan secara kreatif. Wagas Islam berupaya menjadi penjana dan penyeri kepada pemugaran *weltanschauung* Malaysia, jika Islam yang terkandung itu terasas pada akidah yang kukuh, berupa pengamalan berdasarkan ilmu yang baik, dan pelaksanaannya bersifat keihsanan. Sistem sokongan yang sedia wujud bagi menjayakannya boleh dikatakan mencukupi; persoalannya ialah bagaimana memobilisasikan bahagian dan bantuan itu dalam suatu keseluruhan yang efektif.

Penjanaan *weltanschauung* Malaysia sehubungan ini memerlukan pendekatan holistik dan strategik: di peringkat individu, ini bermakna pembentukan cara berfikir dan bergerak yang terhalal dan berisikan nilai-nilai positif. Pembentangan Islam dalam bentuk

manusia mithali adalah satu-satunya dimensi pengislaman yang mampu menonjolkan kehebatan wagas Islam sehingga ia menjadi budaya yang berpengaruh. Perwatakan dan pembawaan yang berteraskan wagas Islam ini seterusnya dimasyarakatkan supaya ia menjadi pakaian ramai, dan diperkasakan sebegitu rupa sehingga ia mempengaruhi alam sekeliling, terutama sekali di peringkat nasional. Gubahan hidup yang mendefinisikan persekitaran ialah gubahan hidup yang menjadi basuhan kepada jati diri dan akan menyuluh jalan dalam kehidupan bernegara.

Pemupukan *world view* ini akan menjadi lebih terjamin jika individu dan masyarakat turut dipayungi penguasa yang berwawasan serupa, sehingga berlaku suatu proses kukuh-mengukuh antara satu sama lain. Kerajaan terikat sama kepada visi tersebut, sambil menggunakan *political will*nya bagi maksud mencapai objektif besar itu. Pendekatan *top-bottom* amat sesuai memandangkan rakyat mudah dibentuk dari atas, menerusi seruan dan arahan. Sekurang-kurangnya, itulah keperluan semasa sebelum dinamisme dalam masyarakat dan negara berkebolehan menentukan trend dan tempo pembangunan tanpa usikan dan olahan daripada pemerintah, atau diperihalkan mengikut selera dan sentimen politik pemimpin.

Selanjutnya, *weltanschauung* Malaysia sepatutnya juga dimartabatkan sama sebagai suatu *world view* yang turut didokong oleh negara jiran, supaya satu daerah budaya berpaksikan Melayu-Islam muncul sebagai suatu sistem penyaringan. "Rantau dalam rantau" boleh wujud dalam konteks ASEAN, dan ia menguntungkan semua pihak. Maksudnya, apabila Wagas Malaysia menguasai persekitaran serantau, maka cara dan gaya Malaysia dapat dimajukan di luar perbatasan negeri sebagai faktor penentu pensejagatan wagas Islam, warisan Melayu dan *weltanschauung* Malaysia ini membantu regionalisme, dan sekali gus mengukuhkan ketahanan rasional.

Persoalan mungkin timbul tentang kewajaran pemilihan wagas Islam yang berwarisan Melayu sebagai penaung dan pencorak *weltanschauung* Malaysia. Isu-isu lama yang telah disejajarkan

dalam peradaban negara boleh jadi mahu diketepikan lantaran perubahan zaman yang telah berlaku, atau tidak lagi muncul dalam ingatan dan pengetahuan generasi hari ini.

Pertama, pengalaman lepas merupakan rujukan utama dalam pembentangan *weltanschauung* Malaysia berpaksikan waga Islam dan pergerakan warisan Melayu ini. Pengekalan waga Islam bukanlah suatu penghinaan budaya (*cultural contempt*), tetapi suatu pemurnian proses sejarah dan budaya. Bagi orang Melayu, ia menjadi suatu jaminan terhadap kelahiran/kekekalan konteks keadaan yang sesuai bagi membolehkannya berinteraksi mengikut lunas-lunas keagamaan, sementara bagi bukan-Melayu, ia memastikan kehadiran dan kelangsungan kaedah kehidupan yang pernah membantu penyerapan mereka ke dalam arus perdana.

Kalaulah kehidupan Melayu-Islam orang Melayu selama ini menyebabkan mereka tidak bertindak seperti ikan piranha, yang melapah dan meratah setiap pendatang asing bukan sebangsa dan seagamanya yang muncul di muara sungai dan pesisiran pantai, maka tentu sekali berbekalkan *weltanschauung* Malaysia yang berteraskan Islam, mereka akan bersikap jauh lebih toleran. Adalah suatu yang malang apabila selama ini budaya tamu (*guest culture*) yang dibawa oleh British berjaya dipopularkan di kalangan bukan-Melayu, sedangkan Islam yang telah mendahului kolonialisme-imperialisme Barat dibekukan dalam kehidupan orang Melayu, dan dijadikan simpanan yang tidak memberi dividen kepada pembentukan *weltanschauung* Malaysia.

Kedua, waga Islam ini mempunyai hubungan intrinsik dengan sistem kepercayaan orang Melayu, dan sebagai golongan dominan, mereka wajar dipertanggungjawabkan dengan tugas besar dari segi pemugaran *weltanschauung* Malaysia. Pembentukannya wajar mengambil kira entiti politik Malaysia sebagai tempatnya berlabuh, dan daerah budaya dan sosioekonomi serantau sebagai kawasan persekitarannya. Kedudukan ini membolehnya menjadi suatu kategori tersendiri. Ini penting dari segi pembinaan negara-bangsa yang memerlukan sesuatu identiti.



Bagi maksud pengembangan dan pencapaian wagas Islam, Malaysia memerlukan suatu kumpulan penduduk sebagai paksi dalam pemugarannya. Berdasarkan sejarah dan susunan budaya, orang Melayu boleh diketengahkan sebagai kaum yang berkemampuan memainkan peranan definitif sebagai pencorak masa ini dan masa depan. Sebagaimana Amerika Syarikat didasari dan diterajui oleh WASP – *Western Anglo-Saxon Protestants*, maka di negara ini tanggungjawab itu seharusnya dipikul oleh Melayu-Islam Malaysia (MIM).

Secara idealnya, tugas ini sepatutnya dimainkan oleh orang Islam tanpa mengira kaumnya, tetapi melihat kedudukan orang Melayu berbanding dengan kaum lain, mereka seharusnya didahulukan, sekurang-kurangnya pada masa sekarang. Dalam sejarah Islam, bangsa Arab telah menjadi pendokong utama dalam kebangkitan *ummah* atas sebab-sebab keistimewaan yang ada pada mereka.

Sesuatu wagas juga seharusnya merupakan nilai universal atau umum yang mewakili semua kelompok atau kaum dalam masyarakat. Namun begitu, wagas berbentuk sebegini biasanya longgar kerana ia tidak didasari oleh pegangan yang tertanam dalam satu-satu komuniti, apatah lagi jika ia dibiarkan berkembang dalam wadah *multi-racialism*, *multi-culturalism* dan *multi-lingualism*. Sebaliknya, jika wagas ini bertunjang kepada cara dan gaya hidup sesuatu bangsa, dan diperkembangkan sebagai milik semua, maka ia bukan sahaja akan dipertahankan dengan lebih gigih oleh bangsa berkenaan, tetapi pada masa yang sama juga mampu menjadi milik universal masyarakat.

Ketiga, *weltanschauung* Malaysia yang berpandukan wagas Islam dan berurusan dengan warisan Melayu ternyata semakin diperlukan dalam era pensejagatan semasa. Pembudayaan ke arah Islam boleh diterjemahkan menjadi kenyataan tanpa menjadikannya kolonialisme-imperialisme bentuk baru, seandainya orang Islam bertindak sebagai ejen budaya yang berkesan. Berbekalkan kepercayaan dan kesedaran bahawa mereka adalah manusia yang telah diistimewakan oleh Allah, mereka seharusnya bergerak secara

strategik, dengan suatu suluhan terhadap masa depan. Objektifnya ialah kesejahteraan untuk semua.

Amerika Syarikat adalah suatu *melting pot* yang telah memberikan skop kepada pelbagai jenis manusia dan budaya untuk berinteraksi, namun ia juga adalah suatu gubahan kebangsaan yang tercipta oleh WASP. Liberal-demokrasi, kapitalisme dan bahasa Inggeris adalah nilai-nilai mereka yang telah diabadikan dalam kehidupan Amerika, dan amat disenangi secara universal oleh penduduk negara berkenaan. Ini bermakna *weltanschauung* Malaysia sewajarnya diperkasakan sedemikian rupa sehingga ia mampu menandingi falsafah hidup negara lain.

### **Malaysia – Menuju Kebangkitan Berwawasan?**

Sekiranya Malaysia ingin membangun dan maju mengikut garis-garis yang dilalui oleh bangsa-bangsa lain, seperti Jepun dan Jerman, maka lebih baik kita serahkan saja negara ini kepada pihak-pihak berkenaan, kerana mereka lebih berkeupayaan dan berkebolehan untuk menjayakan cita-cita tersebut. Apa yang menjadi impian ialah sebuah Malaysia yang lahir daripada wagasnya tersendiri, sekalipun sesetengah daripada pencapaian yang menjadi harapannya itu menyerupai perolehan bangsa lain yang telah membangun dan maju. Bagi orang Islam, mereka tidak mempunyai pilihan; sementara bagi bukan-Islam, pilihan selain wagas Islam bererti penerimaan wagas luar. Namun begitu, *weltanschauung* Malaysia ini bukan sepenuhnya termuat oleh warisan Melayu-Islam; ia seharusnya berkedudukan mengadun nilai-nilai lain selagi tidak bertentangan dengan prinsip Islam itu sendiri.

Adalah suatu yang malang jika orang Melayu diletakkan di bawah sistem sekular, dengan kehidupan keagamaan mereka sekadar berpusat pada ibadah-ibadah khusus seperti sembahyang, puasa dan haji, sementara bukan-Melayu – bukan-Islam dibiarkan beroperasi di luar wagas Islam. Jika ini berlaku ia adalah suatu tragedi, kerana ia menandakan penamatan suatu kontinuiti budaya yang telah menyumbang kepada kelangsungan dan kestabilan negara selama ini. Tidaklah begitu sukar untuk memastikan pembangunan

negara dan masyarakat berlangsung mengikut *weltanschauung* Malaysia ini. Persoalan pokok ialah pemilihan sudut pandangan. Wawasan 2020 akan bertukar menjadi wawasan dan gagasan Islam jika kesemua cabaran yang dihadapinya diletakkan dalam perspektif Islam. Kerangka Allah-Akhirat perlu menjadi penentu dalam perencanaan dan pelaksanaan program.

Pengawalan wagas Islam, warisan Melayu dan *weltanschauung* Malaysia ini perlu dibuat begitu rupa sehingga idea kemajuan dilihat dari sudut jauh-dekatnya kita kepada pencapaian objektif tersebut, dan bukannya dari segi yang dipopularkan hari ini, iaitu maju-mundur dari perspektif bukan-Islam atau Barat. Kita hanya maju jika kita semakin menghayati Islam. Segala sesuatu yang membantutkan perjalanan ke arah itu adalah pemikiran dan perlakuan subversif. Begitu juga dengan persoalan "bertamadun" atau idea "manusia berbudaya". Ia wajar dihubungkan dengan pengislaman ini, dan bukan seperti yang lazim diperlakukan, iaitu dipertalikan sepenuhnya dengan gaya hidup material, gara-gara pembacaan karya klasik oleh Tolstoy dan Hemingway, dan pendengaran dan penikmatan muzik ciptaan Beethoven dan Mozart.

Aspek *mission civilisatre* seharusnya menerima penekanan, sekalipun bukan menjadi fungsi wagas Islam dalam *weltanschauung* Malaysia untuk bertindak sebagai suatu trend penjajahan. Menerusi kolonialisme-imperialisme, Barat telah menyemarakkan peluasan sempadan budaya dan tamadun; dalam konteks pemugaran *world view* Malaysia, sebagaimana ia pernah berlaku dalam sejarah, penjajahan manusia oleh manusia tidak berbangkit.

Persoalan pokok ialah pembebasan insan daripada segala jenis pembelengguan dan penempatannya dalam skema kehidupan yang meletakkannya dalam pengabdian kepada Maha Pencipta. Perjuangan kemerdekaan ini turut melibatkan makhluk lain, seperti haiwan dan serangga, agar suatu sistem-eko yang menjurus kepada penyembahan kepada Illahi menjadi sebahagian daripada suatu keseluruhan peradaban.

Bagi umat Islam, kebebasan yang terangkum di bawah orde tauhid, seharusnya lebih-lebih lagi diperkembangkan di semua peringkat. Pembebasan wanita terurus dan terjurus kepada matlamat pengabdian terhadap Illahi. Keindahan rupa paras bukanlah untuk digayakan bagi tontonan umum, di pentas pertunjukan fesyen atau di majlis pertandingan ratu cantik, tetapi adalah sesuatu untuk disyukuri dan dimanfaatkan oleh suami agar persyarikatan harmonis wujud dalam kehidupan berumah tangga. Keindahan yang terbentuk oleh *hairdo* dan *make-up* tidak seharusnya membaluti hati wanita sehingga berperasaan lebih muda daripada usianya dan melupai mati, atau mengongkongnya daripada menunaikan sembahyang kerana bimbang segala suntikan dan salutan di tubuh terhapus dan terpadam.

Malah pembelaan kaum Hawa dapat dilakukan sama dalam konteks kemajuan bukan-Islam. Langkah memperkasakan kedudukan wanita, terutama yang terkebelakang, tertindas, buta huruf dan buta komputer boleh diambil lantaran kesemua itu adalah dimensi universal yang sah dari sudut Islam dan kemanusiaan. Peluasan sempadan budaya Islam semestinya memantapkan warisan Melayu dan mengukuhkan *weltanschauung* Malaysia. Pengislaman sebagai suatu transformasi budaya yang melibatkan kualiti individu dan sosial akan meningkatkan ketahanan orang Melayu sebagai suatu entiti paksi dalam pemugaran kemalaysiaan dan persekitaran globalisasi. Anggota masyarakat daripada semua kaum harus menyedari risiko yang terpaksa dihadapi dalam kampung sejagat.

Globalisasi telah menempatkan nilai-nilai Barat yang sedia popular. Ia ternyata begitu mengganas kehidupan berbudaya tempatan. Pertahanan kehidupan lokal tidak begitu diberikan perhatian, dalam keghairahan kita untuk "maju" bersama pihak luar, dan mendapat bantuan ekonomi. Bahawa seribu ekor lalat menghurungi tahi bukan bermakna tahi itu bagus. *Weltanschauung* Malaysia berkewajipan menguruskan persoalan ini.

### Bab III

## PERANAN PERUNDANGAN ISLAM DALAM PEMBINAAN TAMADUN MELAYU

*Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid*

### **Pengenalan**

Dalam konteks Pengajian Islam, istilah “perundangan” perlu diberikan dua pengertian.<sup>1</sup> Pertamanya “hukum” secara umum, iaitu segala ketentuan syariat Islam tentang tindahtanduk atau tingkahlaku lahir manusia, baik dalam kedudukannya sebagai seorang peribadi atau sebagai individu dalam masyarakat. Kuantkuasa pelaksanaannya bergantung sepenuhnya kepada faktor keagamaan bersandarkan prinsip-prinsip wajib, haram, sunat, makruh, harus, sebab, syarat, halangan, sah, batal, *azimah* dan *rukhsah*.

Sementara pengertian kedua pula ialah “undang-undang” sebagaimana yang biasa difahami. Ia merupakan prinsip-prinsip hukum yang telah diperundangan melalui proses tertentu dalam sesebuah negara. Penguatkuasaannya bergantung pada kuasa pemerintahan negara berkenaan. Ia tidak merangkumi tindak laku seseorang dalam sifat peribadinya itu yang dikelaskan oleh sesetengah ahli perundangan sebagai “akhlak”.

Kenyataan awal ini perlu dibuat kerana timbul kecelaruan dalam menggunakan istilah “Perundangan Islam” atau “Undang-undang Islam” dalam bahasa Melayu. Ia bukan sekadar berlaku di kalangan orang awam, tetapi juga di kalangan orang terpelajar, termasuk mereka yang berpendidikan di dalam bidang Pengajian Islam. Hal ini juga bersesuaian dengan ketentuan syariat Islam bahawa hukum itu terbahagi kepada dua, “hukum keagamaan” dan “hukum pengadilan”.

### **Perundangan: Asas Penting dalam Islam**

Islam adalah "din" iaitu sistem hidup yang menyeluruh. Secara mudah ia boleh dibahagikan kepada tiga aspek utama, iaitu "akidah" ataupun pegangan hidup, "syariah", iaitu sistem hidup, dan "akhlak" iaitu nilai hidup. Bagaimanapun pembahagian ini tidak benar-benar tepat. Ia sekadar boleh atau berguna untuk dijadikan petunjuk tentang kedudukan "perundangan" dalam Islam.

"Perundangan" adalah sebahagian daripada "syariah". Ia secara umum apa yang harus dan apa yang tidak harus dilakukan oleh seseorang tentang "hak" dan "tanggungjawab" (obligasi) dalam masyarakat. Dalam Islam, hak atau tanggungjawab itu adalah sama ada yang bersifat sistem nilai yang berkuatkuasa berasaskan keagamaan atau yang dikuatkuasakan melalui institusi pemerintahan yang tertentu, terutamanya institusi penguatkuasaan dan pengadilan.<sup>4</sup>

Sebagai sebahagian sistem hidup, "perundangan" adalah suatu sistem nilai yang paling lentur atau flaksibel dalam syariat Islam, berbanding dengan "akidah" dan "akhlak" yang bersifat lebih ideal dan dogmatik. Pembinaannya berasaskan dua unsur, iaitu unsur "wahyu" dan unsur "realiti" hidup. Kenyataan bahawa "undang-undang" itu mencerminkan cita-cita masyarakat sebahagiannya betul selagi ia berlandaskan "perundangan" Islam. Malah, apa yang dikenali sebagai "undang-undang lazim" (*common law*) di Barat teorinya ada dalam perundangan Islam dalam doktrin *Urf* iaitu "kelaziman".

Bagaimanapun, dalam Islam, "perundangan" tidak terlepas daripada nilai keagamaan. Konsep, sekularisme tidak diperakui dalam Islam kerana semua hal perlu dikaitkan dengan nilai agama, walau bagaimana dominan sekalipun asas realiti hidupnya. Dilihat dari sudut ini, penilaian terhadap "perundangan" sebagai satu aspek yang tersendiri hanya berasaskan kaca mata akademik semata-mata. Dari segi keagamaan ia kurang dapat diwajarkan.

Dari segi sejarah, pembinaan aspek "perundangan" dalam Islam berkembang selaras dengan pembinaan aspek-aspek lain. Cuma dalam sejarah awal Islam ia terkemudian sedikit daripada aspek "akidah" dan "akhlak". Dalam era Makkah, wahyu lebih tertumpu

kepada aspek "akidah", iaitu pembinaan asas pegangan hidup dan "akhlak", iaitu pembentukan peribadi mulia. Dalam era Madinah, barulah tumpuan diberikan kepada "syariah" kerana masyarakat dan negara Islam sudah terbentuk.

Namun dalam perkembangan selanjutnya, aspek perundangan ini boleh disifatkan lebih pesat. Ini mungkin kerana ia sangat diperlukan sejajar dengan perkembangan amalan Islam sendiri sebagai dasar masyarakat dan negara. Dari segi akademik juga ia kelihatan lebih pesat kerana dalam keadaan yang sihat, akademik lebih bersifat sokongan logistik kepada realiti hidup dalam masyarakat dan negara.<sup>5</sup>

Aspek perundangan Islam ini telah berkembang sejak zaman awal Islam lagi dan mencapai kemuncak perkembangannya pada zaman pemerintahan Abbasiyyah. Dalam kepesatan perkembangan itu berbagai-bagai aliran telah lahir. Paling dominan di puncak perkembangannya ialah empat mazhab, iaitu Maliki, Hanafi, Syafi'i dan Hambali. Dalam perkembangan seterusnya, terutama pada zaman lembab, mazhab Syafi'i terbahagi kepada dua aliran, iaitu aliran Baghdad dan aliran Khurasan. Antara tokoh aliran Baghdad ialah al-Syirazi, pengarang kitab *al-Muhadzzeb* dan al-Nawawi, pengarang kitab *Minhaj al-Talibin*. Kedua-dua buku ini menjadi asas utama kepada perkembangan pemikiran "Perundangan Islam" di Nusantara.

### **Perundangan Islam di Alam Melayu.**

Kedatangan Islam ke Alam Melayu pada peringkat awal adalah menyeluruh. Ia bukan sahaja tertumpu kepada perubahan pegangan hidup melalui nilai-nilai akidah, tetapi juga perubahan sistem hidup melalui nilai-nilai lain, iaitu syariat. Malah berlaku perubahan lain lagi, dan sebagai contohnya nilai moral.

Bagaimanapun, khusus tentang syariat, perubahan yang dilakukan tidak bersifat segera atau menyeluruh. Sebabnya, pertama sekali kerana Islam sendiri mempunyai pendekatan yang terbuka dan sikap yang flaksibel atau lentur dalam hal-hal perundangan. Doktrin "beransur-ansur" (*al-Tadarruj*) telah diterima sebaga

prinsip besar sejak awal kedatangan Islam lagi dan telah memainkan peranan yang berkesan dalam menjamin kemantapan pelaksanaan hukum dan undang-undang Islam di Madinah. Selain itu, "perundangan" dalam konsepnya yang kedua, iaitu "undang-undang" tidak boleh terlaksana kecuali melalui kuasa pemerintahan. Ini kerana ia memerlukan institusi tertentu seperti pihak penguatkuasaan, pengadilan dan sebagainya. Malah, dalam konsepnya yang pertama juga, iaitu "hukum", masa peralihan yang tertentu diperlukan, terutama dalam hal-hal yang melibatkan adat, tradisi dan kebiasaan yang mendalam.

Sama ada Islam datang ke dunia sebelah sini terus dari Arab, India, China atau dari mana sahaja, hakikatnya ia mula mula bertapak secara kecil-kecilan di pesisiran pantai.<sup>6</sup> Di Semenanjung Tanah Melayu sendiri, sebelum ia mendapat dokongan Istana Melaka, Islam bertapak di negeri-negeri pesisiran seperti Kedah, Terengganu, Pahang dan Kelantan. Pada peringkat ini, aspek perundangan tidak banyak ditekankan, meskipun dalam konsepnya yang bersifat hukum. Kemungkinan tekanan diberikan kepada membina keperibadian Muslim berasaskan akidah ketuhanan dan ibadat ritual. Paling banyak dari segi perundangan ialah soal "perkahwinan" dan sedikit sebanyak soal "halal-haram" dalam pemakanan.

Bagaimanapun, dalam pembinaan tamadun, kelewatan pelaksanaan ini tidak dapat menafikan sumbangan bidang perundangan pada awal kedatangan Islam. Hal ini kerana usaha-usaha penukaran paradigma tentang "halal-haram" telah berlaku sejak awal lagi. Sejarah kedatangan Islam ke Nusantara menunjukkan kitab-kitab *Fiqh* karangan al-Syirazi dan al-Nawawi dan sebagainya telah dibawa datang sebagai rujukan hampir bersekali dengan kitab-kitab mengenai "kisah" yang dianggap bahan paling awal dipopularkan.

Kelahiran para ulama tempatan, yang kemudiannya lebih popular dalam bidang *fiqh*, iaitu hukum, di seluruh pelosok Nusantara telah menjadi bukti bagaimana aspek perundangan telah memainkan



peranan yang cukup besar dalam mengubah mentaliti Melayu dalam proses pembinaan tamadun baru mereka. Buku-buku ini telah menjadi asas pengajaran yang popular bagi keilmuan Islam sehingga kemudiannya meletakkan ilmu hukum dan perundangan sebagai yang paling dihormati.<sup>7</sup>

Dalam aspek undang-undang pula, ia bermula dengan nasihat para ulama kepada raja.<sup>8</sup> Kemudian baru mengambil bentuk penulisan, seperti yang dapat difahami daripada batu bersurat di Terengganu<sup>9</sup> dan dibaca dalam undang-undang Melaka,<sup>10</sup> Undang-undang Johor,<sup>11</sup> Undang-undang Pahang,<sup>12</sup> Undang-undang Kedah,<sup>13</sup> dan Undang-undang Aceh.<sup>14</sup> Pendekatan yang diambil sederhana sekali. Pertamanya ia tidak menyingkirkan pengaruh adat dalam undang-undang Melayu lama secara drastik, dan keduanya ia mengambil masa yang lama untuk menekankan pengaruhnya sebelum menjadi lebih dominan. Konsep bahawa undang-undang itu sebenarnya menggambarkan cita-cita masyarakat tetap dijaga.

Bagaimanapun, usaha tetap berjalan terus. Sepertimana yang dikatakan oleh Ahmad Ibrahim, kalau bukan kerana kedatangan orang Eropah menjajah Tanah Melayu, pelaksanaan undang-undang Islam di negara ini akan menyeluruh.<sup>15</sup> Malah, di bawah tekanan penjajah juga, usaha pelaksanaan itu diteruskan walaupun dalam ruang lingkup yang disempitkan. Hanya pengaruh Barat yang begitu mendalam diasak dalam pemikiran orang-orang Islam selepas dijajah yang menyebabkan undang-undang itu hilang pengaruhnya dan terus dipandang remeh berbanding dengan undang-undang Inggeris yang sempat dibudayakan sebagai realiti yang sangat berpengaruh.<sup>16</sup>

Namun aspek "hukum" daripada perundangan Islam ini terus berpengaruh sebagai budaya rakyat yang dihormati tanpa memerlukan birokrasi. Ini kerana pembudayaan dengan nilai-nilai yang terus berlaku, termasuk pada saat negara dijajah, melalui para ulama yang begitu lama memegang tampuk kepimpinan rakyat. Malah, sekarang ini ketika perundangan Islam dalam konsep sebagai undang-undang berhadapan dengan realiti yang sukar dijalankan pelaksanaannya sebagai undang-undang negara, perkembangan pemikiran tidak banyak terbantut. Ia masih dikembangkan melalui

wacana akademik dan juga wacana rakyat. Di samping itu, dalam sifatnya sebagai hukum agama, ia terus dihayati sebagai sebahagian yang tidak terpisah daripada budaya rakyat yang mempengaruhi banyak nilai dalam struktur masyarakat. Dengan kata lain, dalam konteks perbincangan ini ia menjadi suatu agenda pembinaan tamadun yang masih kukuh dan sangat berpengaruh.

### **Perundangan Islam sebagai Agenda dalam Pembinaan Tamadun Melayu**

Ketentuan yang diambil oleh Perlembagaan Malaysia bahawa Melayu semestinya beragama Islam memberikan petunjuk yang jelas tentang kedudukan Islam dalam tamadun Melayu. Meskipun terdapat peruntukan lain yang menafikan undang-undang Islam sebagai undang-undang negara, namun perundangan Islam masih terjamin kedudukannya atas sifatnya sebagai sebahagian daripada ajaran dalam agama Islam. Malah, sedikit sebanyak kuasa yang diberikan kepada negeri-negeri untuk menguatkuasakan aspek-aspek tertentu dalam undang-undang Islam sebagai undang-undang negeri telah menjamin pengaruh undang-undang Islam di negara ini tidak hilang terus.

Bagaimanapun, dalam agenda pembinaan tamadun, realiti politik ini boleh dinafikan. Di bawah kuasa penjajahan Inggeris yang begitu beria-ia untuk melaksanakan undang-undang mereka secara *total*, nilai perundangan Islam masih dapat dikembangkan sebagai budaya rakyat. Seolah-olah, dalam keadaan tapak untuk berkuasa sebagai alat negara hilang, perundangan Islam boleh berkubu pada garisan adat dan budaya. Dalam pengertian inilah pengaruhnya dalam pembinaan tamadun terus kekal.

Sistem nilai tentang apa yang seharusnya dan apa yang tidak seharusnya dilakukan dalam masyarakat mempunyai pengaruh yang besar terhadap struktur masyarakat itu sendiri. Dengan kata lain, ia mempunyai pengaruh yang tebal dalam menentukan hala tuju masyarakat berkenaan, termasuk corak tamadun yang perlu dipupuk dan dikembangkan. Keistimewaan Islam berbanding dengan agama-agama lain banyak terletak pada sistem nilai ini. Dapat dikatakan

keseluruhan agama lain sekadar menekankan soal metafizika sahaja, sedangkan bagi Islam realiti hidup atau dalam istilah lain, hidup duniawi juga termasuk dalam urusannya.

Dalam pembinaan seterusnya nilai tamadun Melayu, aspek perundangan Islam ini perlu diambil kira. Ia sudah merupakan asas budaya yang kukuh dan mempunyai pengaruh yang tersendiri dalam masyarakat Melayu dalam pembinaan pandangan sejagat mereka. Kedudukannya dalam sifat undang-undang yang dikuatkuasakan melalui institusi pemerintahan perlu diperluaskan, sekurang-kurangnya sampai mengimbangi pengaruhnya sebagai nilai hukum yang membentuk budaya masyarakat.

Tanpa mengambil kira ini, konflik akan berlaku antara hukum Islam sebagai suatu keyakinan masyarakat dengan norma-norma asing yang tidak dianuti, tetapi dikuatkuasakan. Umum mengetahui konflik akan lebih membawa keburukan. Dalam konteks pembinaan tamadun Melayu, ia boleh melahirkan tamadun yang penuh dengan keserbasalahan atau tamadun yang serba salah.

### **Penutup**

Penekanan terhadap peranan perundangan Islam sebagai agenda penting dalam pembinaan tamadun Melayu memerlukan keprihatinan yang tinggi daripada pihak perundangan Islam sendiri. Islam datang ke negara kita ini pada masa nilai pemikiran sendiri sudah mengalami kejatuhan. Ini termasuk aspek-aspek yang berkaitan dengan perundangan sendiri. Nilai-nilai perundangan yang kita terima boleh dikatakan tertumpu kepada satu sumber sahaja, iaitu mazhab Syafi'i aliran Syirazi/Nawawi yang kemudiannya dilanjutkan oleh al-Haitami, al-Ansari dan al-Ramli. Akibatnya pembudayaan hukum dalam masyarakat Melayu berlaku dalam corak yang agak sempit dan kurang bernilai tempatan.

Bersesuaian dengan tugas besar yang perlu diberikan dalam usaha memperkukuh tamadun Melayu, pemurnian semula nilai-nilai pandangan ini perlu dilakukan semula. Caranya ialah dengan kembali kepada sumber asal yang sifatnya universal, iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Berasaskan sumber asal yang *muqaddas* dan abadi ini,

pentafsiran dapat dibuat mengikut metod yang popular dalam pengajian Islam. Cuma pendekatannya perlu memasukkan unsur tempatan. Pada titik ini pembinaan "fiqh Malaysia" sangat diperlukan.

**Nota**

- 1 Untuk huraian ayat lihat, Mahmood Zuhdi Hj. Ab Majid, *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*, Kuala Lumpur Universiti Malaya, 1988.
- 2 Al-Syatibi, *Maqasid al-Syariah*, Kaherah: Matba'ah al-Madani, (tt), Jld. 1, hlm. 122-242.
- 3 Lih. John Burke, *Law Dictionary*, London: Sweet & Maxwell, 6 th. Ed. 1976.
- 4 Lih. misalnya Ab. Wahab Khallaf, *Ilas usul al-Fiqh*, Kaherah: Dar al-Qalam, ed. 14, (tt) H.100.
- 5 Lih. Muhammad Yusuf Musa, *Tarikh al-Fiqh al-Islami*, Kaherah: Dar al-Kutub al-Hadithah, 1958, hlm. 9-108.
- 6 Lih. perbincangan lanjut dalam S.Q. Fatimi, *Islam Comes to Malaysia*, Singapore: MSRI, 1963; Syed Naquib al-Attas, *Preliminary Statement on a General Theory of the Islamization of Malay-Indonesia. Archipelago*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1969.
- 7 Lih. Wan Muhd Saghir, *Perkembangan Ilmu Fiqh dan Tokoh-tokohnya di Asia Tenggara*, Solo: Ramadhani, 1985.
- 8 Lih. *Sejarah Melayu*, ed. W.G. Shellabear, Singapura: The Malay Publishing House, 1896, hlm. 96.
- 9 Lih. Syed Naquib al-Attas, *The Correct Date of Terengganu Inscription*, Kuala Lumpur: Muzium Negara, 1970, hlm. 24.
- 10 *Sejarah Melayu*, *op. cit.*, hlm. 96.
- 11 Lih. R.O. Winstedt, "Digest of Laws", *JMBRAS*, vol. XXXI Part (1958); M.B. Hooker, *Reading in Malay Adat Law*, Singapore: Universiti Malaya Press, 1970, hlm. 56.
- 12 J.E.Kemp and R.O.Winstedt, "A Malay Legal Digest", *JMBRAS*, Vol. 21, part 1, 1948.
- 13 R.O.Winstedt, "Undang-undang Kedah", *JMBRAS*, vol. .6 part 2, 1928, hlm. 8.
- 14 G.W.J. Drews & P.Voert Hoeve, (ed.), *Adat Atjeh*, S. Gravenhage: Martinus Nijhoff, 1958.
- 15 Ahmad Ibrahim dan Ahilemah Joned, *Sistem Undang-undang di Malaysia*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1986, hlm. 48.
- 16 Lih. A.P. Rubin *The International Personality of the Malay Peninsular*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1974.

## BIBLIOGRAFI

- Abdul Halim Abu Syuqah, 1991. *Tahriru l-Maratu l-Muslimah Fi 'Ahdi l-Risalah Juzu'1*. Kuwait: Darul I-Qalam, 1991.
- Abdu l-Karim Zaidan, t.t. *Ahkamu l-Zimmiyyin Wa l-Musta'mininFi Dari l-Islam*.
- Abu l A'ala Al-Maududi, 1977. *Al-Ususu l-Akhlaqiyyah Lil-Harakatil-Islamiyyah*, Kaherah.
- \_\_\_\_\_, 1978. *Al-Islam Wa l-Madaniyyatul- Hadi-Thah*, Kaherah.
- Al-'Anbari, Khalid Ali Muhamad, 1417. *Fiqhu l-Siyasati l-Syar'iyyah Fi Thau' l-Quran Wa l-Sunnah*. Riyadh.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib, 1995. *Prolegomena to the Metaphysics of Islam: An Exposition of the Fundamental Elements of the Worldview of Islam*. Kuala Lumpur: ISTAC.
- Al-Banna, Hassan, t.t. *Majmu'atu Rasail Al-Imam Al-Syahid Hassan Al-Banna*. Kaherah: Darul-Syihab.
- Al-Bujairami, t.t. *Hasyiyatu l-Bujairami 'Ala l-Khatib, Juzu'4*.
- Al-Hanafi, Ibn Abi l-'Iz, t.t. *Syarhu l-'Aqidati l-Thohawiyah*. Kaherah: Al-Maktabu l-Islami.
- Arif Khalil Abu 'Aid, 1990. *Al-'Alaqatu l-Kharijiyyah Fi Dawlati l-Khalifah*. Birmingham: Daru l-Arqam.
- Aris Haji Othman, 1983. *The Dynamics of Malay Identity*. Bangi: Penerbit UKM.
- Waqi'U l-Muslimin, 1975. *Wa Sabilu l-Nuhudni Bihim*. Terj. Mohd. Asim Haddad. Beirut.
- Kalim Siddiqui, 1983. *Issues in the Islamic Movement 1981-1982 (1401-1402)*. London: The Open Press.
- Hirschman, Charles, 1986. The making of race in colonial Malaya: Political economy and racial ideology. *Sociological Forum*, Vol. 1, No.2.

- Hitcock, M. & V.t. King (eds.), 1997. *Images of Malay-Indonesian Identity*. Kuala Lumpur.
- Milner, A.C., 1991. Inventing politics: The case of Malaysia. *Past and Present*. No. 132, Ogos.
- Mohd Taib Osman, 1985. Traditional Malay socio-political world-view. Dlm. Mohd.Taib Osman (ed.). *Malaysian World-view*. Singapore.
- Mohamad Abu Bakar, 1983. Pengislaman, pembudayaan dan pertembungan budaya di Malaysia. Kertas kerja *Seminar Kebudayaan Kebangsaan*, Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 2 Disember.
- \_\_\_\_\_, 1998. Globalisasi dan gelora ummah. Kertas kerja *Muhadharh Pemikiran Islam* (1), Yayasan Islam Terengganu, 19 September.
- \_\_\_\_\_, 1999. Manhaj Melayu 1900-1999: Kupasan kritis terhadap pemikiran pokok dan perlakuan paksi peribumi. *Pemikir*, Jan-Mac.
- \_\_\_\_\_, 1999. Persejagatan dan pemodenan: Permasalahan dan potensi dalam konteks pembangunan ummah di Malaysia. Kertas kerja *Kongres Pembangunan Masyarakat Islam Sarawak*. 16 Oktober.
- \_\_\_\_\_, 1999. Pensejagatan Islam dan perpaduan ummah: Menelusuri politik antarabangsa masa kini. Kertas kerja *Muhadharah Pemikiran Islam* (7). Yayasan Islam Terengganu, 25 September.
- \_\_\_\_\_, 2000. Globalisasi, gelombang sekularisme dan gelora kesatuan ummah. Kertas kerja *Seminar Islamphobia: K-Islam Vs K-Sekular*. Persatuan Ulama Malaysia, 10 Jun.
- \_\_\_\_\_, 2000. Globalisasi dan negara-bangsa: Ketahanan bangsa, keselamatan negara dan kelangsungan jiwa. Kertas kerja *Seminar Penghayatan dan Pengukuhan Kemerdekaan Malaysia*. Kuala Lumpur, 11-13 September.

- \_\_\_\_\_, 2000. Globalisasi dan wanita Islam: Realiti dan risiko penjajahan kaum Hawa. Kertas kerja *Multaqa Pertubuhan Awal Wanita Islam di Malaysia*. Yadim.
- Muhammad Imarah, 1985. *Al-Sohwatu l-Islamiyyah Wa l-Tahaddi l-Hadhari*. Kaherah: Daru l-Mustaqballi l-'Arabi.
- Reid, Anthony, 1997. Malayness and the forging of Malay core cultures in Southeast Asia. Kertas kerja *International Seminar on External Challenge and Local Response: Modern Southeast Asia in Historical Perspective*. Brunei, 20-22 September.
- Roy Olivier, 1994. *The Failure of Political Islam*. Terj. Carol Volk. London.
- Samir Abdu l-Hamid Ibrahim, 1979. *Abu l-A'ala Al-Maududi Fikhruhu Wa Da'watuh*. Kaherah.
- Shamsul, A.B., 1996. The construction and transformation of a social identity: Malayness and Bumiputra re-examined. *Journal of Asian and African Studies*. No. 52.
- Syed Qutb, 1980. *Ma'alim Fi l-Tariq*. Kaherah: Darul-Syuruq.
- Syamsuddin Al-Sarkhasi, t.t. *Al-Mabsut*, Juzu'10. Beirut: Darul-Ma'rifah
- Wahbab al-Zuhaili, t.t. *Atharu l-Harbi Fi Fiqhi l-Islami*. Beirut: Darul-Fikr.